



**NEGERI PULAU PINANG**

# **PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA  
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KETIGA BELAS**

**19 MEI 2017,  
22 MEI 2017 HINGGA 25 MEI 2017**

# **SOALAN LISAN DAN JAWAPAN**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

## **SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI**

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. (i) Apakah status semua tanah di Negeri Pulau Pinang yang dibeli oleh Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB)
- (ii) Bilakah rumah kos rendah atau mampu milik akan dibina di atas tanah yang dimiliki Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke.12.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. (i) Sehingga bulan April 2017, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak menerima sebarang Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dari Syarikat 1 Malaysia Development Berhad RE (AYER ITAM) Sdn. Bhd. (1MDB) untuk membangunkan ketiga-tiga tanah miliknya yang dibeli di Daerah Timur Laut dengan keluasan 9.5 hektar.
- (ii) Memandangkan syarikat 1MDB adalah suatu entiti swasta, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berhubung dengan perancangan syarikat untuk membina rumah kos rendah atau mampu milik di atas tanah yang dimiliki oleh 1MDB seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke.12. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap akan memastikan syarikat ini mematuhi segala syarat kebenaran merancang termasuk menyediakan rumah kos rendah sekiranya pembangunan yang dikemukakan melibatkan pemajuan melebihi 150 unit kediaman serta menampung keperluan hampir 3,000 keluarga setinggan di situ.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Huraikan projek-projek mitigasi banjir yang sudah dilaksanakan oleh Kerajaan dan projek-projek dalam cadangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak sebagai agensi utama (*lead agency*) yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas ini. Selain itu, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) juga memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda Negeri ini.

Sebanyak RM176.97 juta dari caruman peparitan telah diperuntukkan untuk projek-projek tebatan banjir sejak tahun 2008 sehingga kini. Kerajaan Negeri di bawah bajet 2017 juga telah memperuntukkan sejumlah RM150 juta bagi projek-projek tebatan banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang. Projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah projek berimpak tinggi (*high impact*) di Daerah Seberang Perai Tengah dan pembinaan rumah pam di Sungai Relau, Bayan Baru. Selain itu, kedua-dua PBT juga telah menyediakan peruntukan masing-masing sejumlah RM16.32 juta bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) RM31.246 juta untuk pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir dari tahun 2008 sehingga tahun 2017. Perincian projek seperti yang dinyatakan akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi lisan ini.

**RUJ. LAMPIRAN LTANA (NO. 2)**

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Selepas beberapa tahun perbincangan atas tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pekerja asing menduduki di rumah LMC, akan tetapi sampai hari ini masalah masih belum diatasi seperti kes Sri Saujana Macallum. Sila jelaskan dengan teliti bilakah dan apakah tindakan akan diambil oleh kerajaan negeri atas masalah tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Pada masa ini tiada sebarang klausa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) [Akta 118] atau mana-mana peruntukan undang-undang yang mensyaratkan unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' (kos rendah dan sederhana rendah) perlu dihuni oleh pemilik. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan tidak dapat diambil ke atas pemilik yang menyewakan unit RMM 'A' atau 'B' kepada pihak ketiga sama ada dari kalangan warganegara atau pekerja asing.

Menyedari keadaan ini, Kerajaan Negeri dalam usul bertarikh 22 Februari 2017 yang ditandatangani bersama Ketua Menteri dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri telah menggesa Kerajaan Persekutuan supaya perundangan sedia ada berkaitan masalah ini disemak dan/atau dipinda. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan berhubung usul bersama yang dikemukakan.

Di peringkat Kerajaan Negeri sendiri, penambahbaikan telah dibuat ke atas syarat permohonan rumah melalui Borang PN1. Berkuatkuasa Ogos 2016, pemohon dikehendaki menandatangani Akuan Berkanun (Statutory Declaration) sebagai akujanji untuk menduduki unit RMM yang akan ditawarkan kepada mereka.

Buat masa ini, orang awam boleh mengemukakan laporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya terdapatnya sebarang kejadian kacau ganggu daripada unit yang disewakan kepada pekerja asing. Tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh PBT selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dengan mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan kepada tuan punya premis/majikan yang bertanggungjawab.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut sedar tentang perlunya dipertingkatkan lagi usaha untuk pembinaan lebih banyak asrama pekerja bagi menangani isu penyewaan unit RMM 'A' dan 'B' oleh pekerja asing. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bersidang pada 21 Disember 2016 telah bersetuju supaya pertimbangan yang lebih fleksibel diberikan kepada permohonan pemaju yang ingin membangunkan Asrama Pekerja Asing. Garis panduan semasa menetapkan bahawa saiz sesuatu tapak yang dicadangkan untuk pemajuan asrama berkapasiti 5,000 katil tidak boleh kurang daripada 2 ekar. Atas dasar *case by case*, kebenaran boleh diberi kepada pemajuan di atas tapak yang tidak memenuhi syarat keluasan yang ditetapkan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Di kawasan Komtar, terdapat banyak rumah usang yang terbiar. Ini bukan sahaja menjatuhkan imej bandar, malah ia juga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes atau sarang penagih dadah.
  - (i) Sila berikan senarai terkini rumah usang di Komtar.
  - (ii) Apakah langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4.
  - (i) Berdasarkan rekod MBPP sehingga April 2017, terdapat 64 buah rumah usang di kawasan KOMTAR.
  - (ii) Antara langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengeluarkan notis kacauganggu di bawah Sek. 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan di bawah Sek. 83, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kepada pemunya bangunan supaya berbuat sesuatu terhadap bangunan tersebut.
- (b) Memagar bangunan yang usang dan berbahaya sebagai langkah awalan (jika tiada tindakan oleh pemunya).
- (c) Mengambil tindakan undang-undang terhadap pemunya.
- (d) Langkah-langkah kawalan serta pencegahan pembiakan nyamuk aedes di premis- premis terbiar dan kosong persendirian terutama di lokasi-lokasi yang pernah ada wabak denggi melalui operasi-operasi cari dan musnah.
- (e) Tindakan pengeluaran notis di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 kepada pemilik premis untuk mengambil langkah-langkah pembasmian yang tertentu jika keadaan premis mungkin membiakkan nyamuk aedes.
- (f) PBT bertindak untuk membersihkan kawasan-kawasan terbiar jenis 'no man's land'. Manakala bagi premis-premis persendirian, sekiranya pemilik premis gagal membersihkannya, segala kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan PBT akan diperolehi semula daripada pemilik premis berkenaan.

Ringkasan Aktiviti Pemantauan Ke Atas Premis-premis Usang Sekitar KOMTAR Bagi Tahun 2016 – 2017:

TAHUN	BILANGAN NOTIS DIKELUARKAN	BILANGAN PREMIS YANG TELAH DIROBOHKAN	BILANGAN PREMIS YANG TELAH DIBERSIHKAN	JUMLAH
2016	6	48	4	58
2017	2	9	2	13

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Jelaskan status pelaksanaan pembinaan tiga lebuh raya dan terowong.
  - (i) Jumlah dan agihan bayaran kepada semua pihak terlibat sehingga kini;
  - (ii) Status pemajuan tanah beri milik kerajaan kepada pemaju Zenith;
  - (iii) Jelaskan kedudukan cadangan pembinaan jambatan berbanding terowong.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Status Pelaksanaan Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga) adalah seperti berikut:
  - (a) Status Pelaksanaan Pembinaan Jalan-Jalan Utama  
Kajian kebolehlaksanaan untuk projek jalan-jalan utama yang melibatkan 3 pakej jalan iaitu Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1), Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (Pakej 2) dan Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney (Pakej 3) telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Seterusnya, Rekabentuk Terperinci Awalan (*Preliminary Detailed Design*) telah siap disediakan pada 26 Januari 2016 untuk membolehkan Kajian Kesan Kepada Alam Sekitar (*Detailed Environment Impact Assessment-DEIA*) dimulakan. Laporan kajian DEIA telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017.

Fasa pembinaan bagi Jalan-Jalan Utama ini dijangka bermula pada pertengahan 2018 setelah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Proses kelulusan DEIA oleh Kerajaan Persekutuan;
  - (ii) Proses pengambilan balik tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah; dan
  - (iii) Penyiapan kerja-kerja tebusguna tanah bagi tanah yang akan diberimilik sebagai bayaran kos projek.
- (b) Status pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga)

Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam kini masih lagi di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan di mana kemajuan kajian telah mencapai 87%. Kajian Kebolehlaksanaan Terowong ini pada awalnya dijangkakan siap pada Disember 2016. Walau bagaimanapun perlanjutan masa telah diberikan kepada pihak kontraktor sehingga September 2017 setelah mengambil kira keperluan penyelarasan maklumat kajian yang melibatkan pelan induk projek tebusguna laut di sekitar Bagan Ajam oleh Syarikat Rayston Consortium Butterworth Sdn. Bhd. (RCBSB) yang masih belum dimuktamadkan.

- (i) Jumlah bayaran kepada semua pihak yang terlibat dalam Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang sehingga kini adalah RM219,987,410.00 dengan pecahan agihan bayaran masing-masing sebanyak RM208,755,080.00 kepada Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. selaku kontraktor projek dan sebanyak RM11,232,330.00 kepada HSS Intergrated Sdn. Bhd. sebagai perunding teknikal projek bebas yang dilantik oleh Kerajaan. Setakat ini, tiada bayaran telah dibuat kepada perunding DEIA.

- (ii) Status pemajuan tanah beri milik kerajaan kepada pemaju Zenith

Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran ke atas pencapaian kemajuan kerja (*milestones*) seperti dalam perjanjian untuk Kajian Kebolehlaksanaan dan Rekabentuk Terperinci Awalan Projek Jalan-Jalan Utama melalui pemberimilikan dua lot tanah di Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang kepada pihak kontraktor. Tanah yang terlibat ialah Lot 702, seluas 3.67 ekar yang telah diberimilik pada tahun 2015, dan sebahagian dari Lot 713, seluas 2 ekar yang diberimilik pada tahun 2017. Nilai keseluruhan tanah ini ialah RM208 juta yang dinilai berdasarkan perkiraan keluasan bersih tanah yang boleh dibangunkan (*net developable area*), iaitu bersamaan dengan kos Kajian Kebolehlaksanaan dan Rekabentuk Terperinci Awalan Projek Jalan-Jalan Utama.

Bagi status terkini tanah Lot 702, pihak kontraktor telah bekerjasama dengan Ewein Land Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Ewein Berhad dalam cadangan pembangunan yang diberi nama "*City of Dreams*". Cadangan pembangunan ini berasaskan konsep *wellness* yang bakal menyokong pertumbuhan sektor "*medical tourism*" di Pulau Pinang. Cadangan pembangunan ini juga telah menerima *Champion Status* di bawah pelan induk "*Economic Transformation Programme (ETP)*" yang diteraju oleh PEMANDU. Bagi Lot 713, pihak konsortium baru sahaja menerima Geran Sementara (Qualified Title) tanah tersebut pada 22 Mac 2017 dan buat masa ini belum ada sebarang permohonan cadangan pembangunan diterima ke atas lot tanah tersebut.

- (iii) Bagi cadangan pembinaan Jambatan sebagai alternatif kepada terowong, Laporan kajian Kebolehlaksanaan Terowong akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat sebagai dokumen sokongan bagi pertimbangan kelulusan Jambatan Ketiga oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya kelulusan pembinaan Jambatan Ketiga ini diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, maka pembinaan terowong bawah dasar laut ini akan dibatalkan atas justifikasi kos pembinaan dan penyelenggaraan jambatan yang jauh lebih rendah daripada terowong bawah dasar laut, serta penggunaan jambatan tanpa mengenakan kutipan tol kepada pengguna.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Sila nyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Negeri dan kejayaan yang telah dicapai dalam usaha menanam pokok di sekitar Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif melibatkan aktiviti penanaman pokok di Negeri Pulau Pinang. Program-program penanaman pokok yang dilaksanakan melibatkan kerjasama antara Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perhutanan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, pihak swasta, sekolah-sekolah dan juga orang awam. Aktiviti penanaman pokok yang dilaksanakan merangkumi dua (2) aktiviti utama, iaitu;

- (i) Program penanaman pokok di kawasan lapang tanah kerajaan dan terosot termasuk kawasan bukit di dalam hutan simpanan kekal; dan
- (ii) Program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai sebagai penahan hakisan serta impak tsunami.

Bagi mewujudkan eko-sistem yang seimbang di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif penanaman pokok seperti berikut:-

- (i) Pembinaan *Pocket Park* oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan landskap yang menarik bagi tujuan rekreasi orang ramai;
- (ii) Projek penanaman pokok oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan Negeri bagi menghijaukan alam sekitar dan merendahkan kadar pelepasan karbon yang menjadi punca kepada perubahan iklim;
- (iii) Projek penanaman pokok teduh landskap di setiap daerah di Pulau Pinang;
- (iv) Program *Corporate Social Responsibility (CSR)* bersama dengan agensi korporat yang merangkumi projek-projek penghijauan melibatkan komponen-komponen kemudahan landskap kejur dan landskap lembut;
- (vi) Mengambil inisiatif pemuliharaan pokok-pokok warisan dan berusia di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) secara berfasa dengan melantik *Arboris* bertauliah agar pokok hidup subur, sihat dan selamat kepada orang awam;
- (vii) Melaksanakan sistem inventori pokok bagi tujuan pengumpulan data dan penyelenggaraan pokok yang lebih sistematik. Data-data pokok akan disimpan melalui *Penang Tree Information System (PeTis)*;
- (viii) Penanaman pokok di kawasan lapang dan terosot di dalam Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan;
- (ix) Program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai ; dan
- (x) Kempen penanaman pokok secara *hands-on* bersama orang awam, pelajar sekolah, agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO's).

Kerajaan Negeri juga melalui PBT telah menetapkan syarat-syarat yang ketat bagi permohonan penebangan pokok-pokok sedia ada terutamanya pokok-pokok yang bersaiz besar. Sebagai makluman Yang Berhormat, dari tahun 2008 sehingga Mac 2017, sebanyak 296,632 pokok baharu telah ditanam oleh Kerajaan Negeri di seluruh Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. (i) Berapakah jumlah rumah-rumah perlindungan wanita yang ada di Negeri Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri, MAINPP dan NGO?

- (ii) Berapa orangkah wanita yang diberi perlindungan sejak lima (5) tahun kebelakangan ini dan sila nyatakan mengikut umur dan masalah yang dihadapi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. (i) Sehingga kini, terdapat tiga (3) buah rumah perlindungan wanita di Pulau Pinang iaitu seperti berikut:
- (a) Satu (1) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Pusat Perlindungan Wanita Darul Sakinah.
  - (b) Dua (2) di bawah pengurusan Badan Bukan Kerajaan (NGO):
    - (i) Majlis Kebajikan Wanita Pulau Pinang (Rumah Perlindungan Sosial).
    - (ii) Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang (WCC).

Setakat ini, tiada rumah perlindungan wanita di bawah Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama WCC telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) yang memberi perkhidmatan kaunseling, perlindungan sementara, dan nasihat guaman untuk kaum wanita di Pulau Pinang yang menghadapi krisis. PPW dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan diuruskan oleh WCC.

- (ii) Sejak tahun 2012 sehingga 2016, seramai 234 wanita yang diberi perlindungan di ketiga-tiga pusat perlindungan.
- (a) Seramai 23 wanita yang mengandung luar nikah ditempatkan di Pusat Perlindungan Wanita Darul Sakinah;
  - (b) Seramai 132 wanita atau gadis yang mengandung luar nikah ditempatkan di Majlis Kebajikan Wanita sehingga bayi selamat dilahirkan; dan
  - (c) Seramai 79 wanita dan 67 kanak-kanak yang merupakan anak atau jagaan kepada mangsa-mangsa keganasan domestik, masalah rumahtangga, serangan seksual dan masalah perhubungan ditempatkan di WCC. Selain perkhidmatan perlindungan, WCC juga menyediakan perkhidmatan kaunseling *face to face*, kaunseling melalui telefon, kaunseling melalui emel dan perkhidmatan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya.

Bilangan wanita yang diberi perlindungan di ketiga-tiga pusat perlindungan tersebut dari tahun 2012 hingga 2016 mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

Bil.	Pusat	Kategori Umur	
		< 18 tahun	> 18 tahun
1	Pusat Perlindungan Wanita Darul Sakinah	1	22
2	Majlis Kebajikan Wanita Pulau Pinang (Rumah Perlindungan Sosial)	53	79
3	Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang (WCC)	-	79
<b>JUMLAH</b>		<b>54</b>	<b>180</b>

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Apakah cadangan-cadangan yang telah saya bangkitkan kepada kerajaan negeri dalam dewan yang mulia ini sejak tahun 2008 hingga 2016 telah dilaksanakan?

Sila senaraikan dan huraikan dengan teliti.

- (i) Selain bayaran RM100 Program Penghargaan Warga Emas, adakah Kerajaan Negeri berancang meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan membekal bantuan perlindungan insurans?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Setiap saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Berapit di Dewan yang mulia ini diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri.

Sebagai contoh Yang Berhormat Berapit seringkali membangkitkan cadangan supaya dibaik pulih rumah rehat di Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT). Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembangunan ini telah dibentang di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) Bil.4/2017 pada 16 Februari 2017 dan JKTN memutuskan supaya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memohon tapak tersebut bagi tujuan pembinaan Jabatan Pesakit Luar untuk Hospital Bukit Mertajam yang semakin sesak dan padat pada masa ini. Status terkini pada 15 Mei 2017, Jabatan Kesihatan Negeri telah memanjangkan cadangan tersebut kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk persetujuan selanjutnya.

Begitu juga dengan cadangan Yang Behormat untuk menaiktaraf jalan yang menghubungkan Berapit ke Jalan Kulim bagi menangani masalah kemalangan jalan raya di kawasan tersebut serta mengurangkan kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan sewajarnya. Jabatan Kerja Raya (JKR) SPT telah membuat kajian alternatif jalan Kampung Besar sebagai jalan yang menghubungkan Jalan Berapit ke Jalan Kulim. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan peruntukan Pembangunan bagi tahun 2017 untuk kerja-kerja ukur untuk pengambilan tanah dan reka bentuk serta penyediaan dokumen tender.

Cadangan-cadangan lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di Lampiran yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Berhubung cadangan untuk Kerajaan Negeri menyediakan bantuan perlindungan insuran kepada setiap warga emas, perkara ini perlu diperhalusi dengan mengambil kira pelbagai faktor terutamanya faktor implikasi kewangan yang akan terlibat sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

**RUJ. LAMPIRAN LOKF (NO. 8)**

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Merujuk kepada keputusan mesyuarat Jawatan Kuasa Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (PJKK) MMK Wanita pada 23/3/17 untuk memohon agar PJKK ditarifkan sebagai Khidmat Sosial:
- (i) Bilakah penakrifan ini akan dilaksanakan di Seberang Perai dan Pulau?
  - (ii) Adakah terbuka kepada kepada PJKK yang bukan *non-profit-organisation*?
  - (iii) Syarat-syarat?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Cadangan penakrifan Pusat Jagaan Kanak-Kanak sebagai khidmat sosial akan diperhalusi di dalam Jawatankuasa Khas yang akan ditubuhkan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambilkira aspek sosial di dalam penyediaan garis panduan tukarguna kediaman kepada Tadika, TASKA dan Pusat Jagaan. Berdasarkan kepada Garis Panduan Pengawalan Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Tadika, TASKA dan Pusat Jagaan, pengecualian bayaran-bayaran seperti bayaran pemajuan infrastruktur, bayaran sumbangan tempat letak kereta, penanaman pokok dan pemandangan daratan boleh diberi kepada pengusaha/badan yang tidak berlandaskan keuntungan (*Non-profit Organizations*) tertakluk kepada pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.



**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Sila senaraikan kilang-kilang yang dikompaun dan didakwa ke mahkamah atas kesalahan mencemarkan alam sekitar di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2017.
  - (i) Sila nyatakan statistik kilang yang telah dan masih belum menjelaskan kompaun masing-masing.
  - (ii) Berapa kilang yang mencemar alam sekitar yang ditarik balik lesen mereka?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang telah mengeluarkan sebanyak 385 kompaun manakala 27 premis kilang telah didakwa di mahkamah dari tahun 2013 sehingga April 2017 berdasarkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Senarai premis kilang-kilang yang dikompaun dan didakwa ke mahkamah atas kesalahan mencemarkan alam sekitar tidak dapat dikemukakan bagi mengelakkan pelanggaran ke atas Seksyen 50, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu:-

*“Seseorang yang menzahirkan apa-apa maklumat yang didapati olehnya berkenaan dengan pentadbiran atau pelaksanaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berhubung dengan apa-apa proses pengilangan atau rahsia tred yang digunakan pada menjalankan sesuatu tred, perindustrian atau proses tertentu, melainkan jika penzahiran itu telah dibuat bagi maksud-maksud Akta ini atau maksud-maksud sesuatu perbicaraan jenayah di bawah Akta ini atau dengan persetujuan orang yang menjalankan tred, perindustrian atau proses itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.”*

- (i) Daripada keseluruhan 385 kompaun yang dikeluarkan, sebanyak 10 kompaun masih belum dijelaskan.
- (ii) Sepanjang tempoh tersebut, dua buah premis kilang telah ditarik balik lesen oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang di atas kesalahan berkaitan pencemaran alam sekitar.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Pembangunan Tanah Wakaf dalam DUN Bertam:
  - (i) Berapakah jumlah tanah wakaf di DUN Bertam? Senaraikan tempat dan keluasan.
  - (ii) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan tanah wakaf berkenaan? Jika ada, huraikan projek secara terperinci.
  - (iii) Adakah masih terdapat tanah wakaf yang menimbulkan masalah untuk dibangunkan

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. (i) Terdapat sejumlah 30 lot tanah wakaf dalam DUN Bertam dengan jumlah keluasan 36.86 ekar. Senarai berdasarkan lokasi dan keluasan bagi setiap lot adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletak diatas meja Yang Berhormat selepas sesi soal jawab soalan lisan.
- (ii) Sebahagian besar tanah wakaf di kawasan DUN Bertam adalah wakaf khas yang merangkumi tapak masjid, tapak surau, tanah perkuburan, sekolah agama/madrasah serta wakaf khas bagi tujuan tertentu dan hanya sebahagian kecil sahaja dalam kategori wakaf am.

Di antara projek yang telah dan sedang dibangunkan di atas tanah wakaf dalam DUN Bertam adalah seperti berikut :-

- (i) Wisma Sheikh Abdullah Fahim yang telah siap pada tahun 2006 ;

- (ii) Bazar Wakaf Rakyat Masjid At-Taqwa Bertam yang telah siap pada tahun 2013 ; dan
  - (iii) Pembinaan Masjid Taman Seri Serdang yang dijangka siap pada bulan Ogos tahun 2018 dengan kos sebanyak RM3.9 juta.
- (c) Setakat ini, tiada sebarang masalah yang dihadapi dalam pembangunan tanah wakaf di DUN Bertam memandangkan kebanyakan tanah wakaf berkenaan adalah wakaf khas.

**RUJ. LAMPIRAN LHSO (NO. 11)**

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Huraikan impaknya ekonomi kita terutamanya golongan muda, oleh *money game* yang sedang menjejaskan semua lapisan masyarakat kita dan tindakan Kerajaan Negeri untuk menstabilkan ekonomi kita. Senaraikan syarikat dengan terperinci yang terlibat dalam *money game* ini. Adakah satu peruntukan digubalkan untuk mengawalinya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Perniagaan bersifat *money game* atau skim cepat kaya seperti pelaburan, hartanah, FOREX atau emas yang berselindung di bawah modus operandi pemasaran berbilang tingkat (MLM) kian berleluasa. Akibat ekonomi yang lembap, syarikat-syarikat skim cepat kaya dikatakan semakin aktif untuk menarik orang ramai membuat pelaburan sejak kebelakangan ini.

Skim yang menjanjikan kadar faedah lumayan dan pulangan menguntungkan menyebabkan sesetengah orang terutamanya golongan muda ingin memperoleh wang banyak dalam tempoh yang singkat, akhirnya menjadi mangsa penipuan oleh syarikat-syarikat kewangan yang tidak berlesen ini.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal syarikat-syarikat skim cepat kaya untuk beroperasi kerana ia adalah di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Namun, orang ramai dinasihati untuk melayari laman web pihak pengawal selia, contohnya laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti untuk mendapatkan maklumat mengenai amaran untuk pelabur. Untuk maklumat lanjut berhubung senarai terperinci syarikat yang terlibat, aktiviti penipuan kewangan dan langkah-langkah pencegahan, orang ramai boleh melayari laman web Bank Negara Malaysia.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. (i) Apakah pendirian Y.A.B. Ketua Menteri dan Exco Hal Ehwal Agama berhubung dengan pembentangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 2016 (RUU 355) oleh Presiden PAS YB. Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Sidang Dewan Rakyat pada 06/04/2017?
- (ii) Jika diluluskan adakah kerajaan negeri akan terima pakainya di Negeri Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Sebarang Rang Undang-undang yang melibatkan pindaan ke atas bidang kuasa Mahkamah Syariah di Pulau Pinang, walaupun telah diluluskan di peringkat Parlimen, perlu mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sebelum ianya boleh diterima dan digunapakai di negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan membuat keputusan berhubung dengan perkara ini apabila RUU 355 tersebut diluluskan oleh Parlimen.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Kerajaan negeri menerima peruntukan persekutuan untuk projek dibawah MARRIS. Nyatakan secara terperinci jumlah yang diterima pad tahun 2013 hingga 2016.
- (i) Senaraikan projek yang dilaksanakan dengan peruntukan MARRIS
  - (ii) Adakah terdapat lebih dari wang peruntukan ini?
  - (iii) Jika ya, pernahkah wang peruntukan ini dipulangkan balik kepada kepada Kerajaan Persekutuan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk penyenggaraan jalan negeri (MARRIS) bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>TERIMAAN PERSEKUTUAN (RM)</b>
2013	84,588,635.26
2014	94,622,919.69
2015	101,460,524.00
2016	107,548,155.00

- (i) Jumlah projek dan perbelanjaan di bawah peruntukan MARRIS bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di meja YB. selepas selesai sesi soalan Lisan.
- (ii) Jumlah lebih daripada peruntukan MARRIS bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti yang dinyatakan seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>LEBIHAN PERUNTUKAN (RM)</b>
2013	50,471,489.76
2014	44,518,563.52
2015	53,135,917.37
2016	60,116,622.91

Lebih peruntukan bagi setiap tahun akan digunakan sebagai peruntukan tambahan untuk tahun berikutnya sekiranya peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun berikutnya tidak mencukupi berbanding jumlah keperluan yang dipohon oleh Jabatan/Agensi Pelaksana.

- (iii) Lebih peruntukan MARRIS bagi setiap tahun tidak dipulangkan semula kepada Kerajaan Persekutuan. Pelaporan berkaitan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) adalah dilaporkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia secara bulanan dan tahunan.

**RUJ. LAMPIRAN LDOAH (NO. 14)**

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. (i) "Barrier Halangan Kenderaan Berat" di Vale of Tempe sering dihancurkan oleh pemandu kenderaan berat yang ambil kesempatan membahayakan pengguna jalan yang lain, apakah tindakan kerajaan tempatan?
- (ii) Adakah penjenayah tersebut ditangkap dan dakwa?
- (iii) Apa lagi kerajaan tempatan boleh buat demi keselamatan orang awam?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. (i) Kerosakan palang/barier halangan berat di Vale of Tempe telah berlaku pada 10hb, 12hb, 14hb dan 17hb, 27hb April dan Febuari, 14 Mei 2017 dan terbaru 14hb Mei 2017 semenjak dibuka kepada laluan awam pada 4hb April 2017. Tindakan Kerajaan Negeri yang telah diambil melalui kerjasama antara MBPP, JKR dan PDRM bagi palang/barier halangan berat yang sering dihancurkan oleh pemandu kenderaan berat adalah seperti berikut:
- (a) Pihak MBPP telah memasang sebanyak enam (6) kamera litar tertutup (CCTV) pada bahagian dua (2) struktur tiang halangan kenderaan berat merentasi Jalan Fettes. Kesemua CCTV telah mula beroperasi sepenuhnya pada 5 Mei 2017. Video semasa (*real-time*) berdasarkan rakaman daripada enam (6) buah kamera ini dapat dilihat di Pusat Kawalan Lalulintas dan CCTV MBPP di Tingkat 4, KOMTAR serta Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- (b) Membuat laporan kepada pihak PDRM mengenai tindakan merosakkan barrier halangan berat.
- (c) Mendapatkan nasihat daripada Penasihat Undang-undang Negeri bagi mengambil tindakan undang-undang dan ganti rugi daripada pesalah yang telah merosakkan barrier halangan kenderaan berat.
- (ii) Pihak Kerajaan Negeri melalui JKR Daerah Timur Laut telah membuat dua (2) laporan polis berhubung tindakan kenderaan berat merosakkan barrier halangan kenderaan berat tersebut. Pihak polis akan menjalankan siasatan lanjut dan sekiranya didapati bersalah, tindakan undang-undang boleh diambil.
- (iii) Antara tindakan lain yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keselamatan orang awam di kawasan tersebut adalah dengan meningkatkan pencahayaan dan mengadakan rondaan secara berkala dengan kerjasama daripada PDRM dan penguatkuasa MBPP.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. (i) Kelembapan ekonomi telah menyaksikan kilang-kilang terpaksa melakukan pemberhentian pekerja. Setakat hari ini, berapakah kadar pengangguran di Pulau Pinang?
- (ii) Sektor yang manakah yang paling tinggi melakukan pemberhentian pekerja?
- (iii) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menubuhkan skim/tabung pengangguran?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Pulau Pinang masing-masing adalah 1.6% bagi tahun 2015.

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja, jumlah pekerja yang diberhentikan kerja di Pulau Pinang bagi tahun 2016 ialah seramai 4,923 orang. Sektor yang paling tinggi melakukan pemberhentian pekerja ialah sektor pembuatan. Bilangan kerja yang diwujudkan ekoran kemasukan pelaburan adalah 3000 pekerjaan baru pada 2016.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan skim/tabung pengangguran. Namun, Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) menjalankan pemadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja samada pekerja yang diberhentikan kerja atau pekerja baru dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga April 2017, seramai 9,352 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,006 pemadanan jawatan telah dijalankan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (i) Apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan lagi peranan wanita di dalam meningkatkan pembangunan negeri didalam pelbagai sektor
- (ii) Apakah kerajaan mempunyai perancangan melalui Briged Wanita bagi mewujudkan industri kampung atau perusahaan makanan ringan yang difikirkan sesuai untuk golongan wanita bagi setiap KADUN di samping menambahkan pendapatan mereka?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (i) Kerajaan Negeri telah mengenengahkan agenda Kesaksamaan Gender sejak tahun 2012 dalam perancangan serta pembangunan negeri. Kerajaan Negeri melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) berusaha untuk memastikan wanita di Pulau Pinang mendapat peluang, hak dan sumber yang saksama. Antara usaha PWDC bagi meningkatkan peranan wanita di dalam pelbagai sektor adalah:
- (a) Penglibatan dan Penyertaan Komuniti  
Melalui Program *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB), golongan wanita dilibatkan dalam proses dan program pembangunan komuniti bersama dengan Kerajaan Tempatan. Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang menggunakan pendekatan GRPB dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai "Penang Model". Melalui Program GRPB, Program Pembersihan di komuniti PPR Jalan Sungai dan Ampangan dimulakan di mana penduduk menjadi rakan kongsi Kerajaan Tempatan di mana pengurusan kebersihan dilaksanakan oleh komuniti PPR tersebut. Melalui pendekatan ini, penduduk PPR, termasuk wanita mendapat peluang pekerjaan. Kini, pelaksanaan Program GRPB dipanjangkan kepada rancangan perumahan Kerajaan Negeri yang lain.
- (b) Kepimpinan Wanita Peringkat Komuniti & Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK)  
Melalui program GRPB, pemilihan Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk juga telah dirombak semula dengan memasukkan klausa keseimbangan gender dalam pucuk pimpinan dan pembuatan keputusan supaya wanita dan lelaki mempunyai peluang yang sama dalam menjawat jawatan dalam persatuan. Selain itu, kursus kepimpinan bagi wanita pada peringkat komuniti dan JKKK turut dianjurkan.

- (c) **Kepimpinan Wanita Peringkat Kerajaan Tempatan**  
Program Latihan Kepimpinan Wanita dalam tadbir urus Kerajaan Tempatan mula dilaksanakan sejak tahun 2015 untuk mewujudkan 'talent pool' wanita yang berbakat dan berpotensi untuk menjadi Ahli Majlis.
- (d) **Kepimpinan Wanita di Arena Politik**  
Persidangan "Gender & Electoral Reform" telah dianjurkan pada Ogos 2016. Program ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi untuk meningkatkan perwakilan politik wanita kepada sekurang-kurangnya 30%.
- (ii) **Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus untuk Briged Wanita mewujudkan industri kampung atau perusahaan makanan ringan. Briged Wanita adalah pasukan sukarelawati yang ditubuhkan bagi meningkatkan akses kaum wanita kepada program-program Kerajaan Negeri seperti program kebajikan wanita, program Mammogram, mikro kredit negeri (PTSR) dan lain-lain. Melalui usaha Briged Wanita, kaum wanita lebih sedar peluang-peluang yang ada dan memperolehi manfaat terutamanya daripada program mikro kredit bagi membangunkan perniagaan mereka.**

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 18. (i) Berapakah kos Kajian EIA dan DEIA bagi projek jalan-jalan utama dan pembinaan terowong.
- (ii) Apakah status kajian EIA dan DEIA sehingga kini? Huraikan dengan terperinci.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 18. (i) Kos Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) bagi Projek Jalan-Jalan Utama yang melibatkan 3 pakej jalan mengikut perjanjian adalah berjumlah RM6.3 juta. Manakala kos DEIA bagi Projek Terowong adalah berjumlah RM2.9 juta.
- (ii) Laporan DEIA bagi Projek Jalan-Jalan Utama telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan sedang menunggu maklumbalas kelulusan daripada pihak JAS. Manakala DEIA bagi projek terowong belum dimulakan memandangkan Kajian Kebolehlaksanaan Terowong belum disiapkan. Pelaksanaan EIA terowong ini adalah tertakluk kepada laporan Kajian Kebolehlaksanaan Terowong yang kini berada pada kemajuan 87%. Kajian Kebolehlaksanaan Terowong ini pada awalnya dijangkakan siap pada Disember 2016. Walau bagaimanapun pelanjutan masa telah diberikan kepada pihak kontraktor sehingga September 2017 setelah mengambil kira keperluan penyelarasan maklumat kajian yang melibatkan pelan induk projek tebusguna laut di sekitar Bagan Ajam oleh Syarikat Rayston Consortium Butterworth Sdn. Bhd. (RCBSB) yang masih belum dimuktamadkan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 19. (i) Senaraikan Pasar Awam dan Kerja-kerja menaik taraf Pasar dan Kompleks Makanan di seluruh Pulau Pinang.
- (ii) Adakah kerja-kerja menaik taraf Pasar dan Kompleks Makanan melibatkan kawasan Parlimen Kepala Batas. Jika ya, senaraikan mengikut KADUN.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 19. (i) Terdapat sebanyak 52 pasar awam di Pulau Pinang di mana 21 di Bahagian Pulau dan 31 di Bahagian Seberang Perai. Terdapat tujuh (7) pasar dan 27 kompleks makanan

yang telah dinaik taraf di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2012 hingga 2016. Senarai semua pasar dan senarai pasar dan kompleks makanan yang dinaik taraf seperti di **lampiran** akan diedarkan kepada Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan hari ini.

- (ii) Kerja-kerja naik taraf pasar awam dan kompleks makanan turut melibatkan Parlimen Kepala Batas.

Di KADUN Penaga, kerja-kerja naik taraf dilakukan untuk bangunan pasar, tandas dan sekitar bangunan Pasar Penaga, manakala untuk KADUN Bertam, kerja-kerja naik taraf dilakukan untuk bangunan pasar dan tandas Pasar Kepala Batas. Kerja-kerja naik taraf di kedua-dua KADUN ini tidak melibatkan kompleks penjaja. Di KADUN Pinang Tunggal tidak ada sebarang kerja-kerja naik taraf pasar ataupun kompleks penjaja.

#### **RUJ. LAMPIRAN LDRS (NO. 19)**

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 20. (i) Apakah pandangan kerajaan tentang kebajikan pejalan kaki dan peranan mereka dalam pengurusan lalu lintas?
- (ii) Apakah polisi dan garis panduan yang ditetapkan bagi menggalakkan lebih banyak orang berjalan kaki?
- (iii) Sila berikan contoh garis panduan yang diwajibkan bagi infrastruktur lampu isyarat pejalan kaki dan siar kaki dan sama ada diwajibkan di seluruh negeri?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 20. (i) Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan kebajikan pejalan kaki di dalam pengurusan lalu lintas.
- (ii) Polisi dan garis panduan yang ditetapkan bagi menggalakkan lebih banyak orang berjalan kaki adalah:
  - (a) Menetapkan KPI MBPP untuk mengeluarkan 60 halangan kekal dan sementara di laluan pejalan kaki setahun bagi menyediakan laluan pejalan kaki yang bebas halangan.
  - (b) Mensyaratkan penyediaan laluan pejalan kaki kepada setiap pembangunan baru dan projek-projek pembinaan / pelebaran jalan.
  - (c) Memasang lampu isyarat pejalan kaki di lokasi yang mempunyai bilangan pejalan kaki melebihi 50 orang /sejam dan isipadu kenderaan melebihi 1,000 ukp sejam pada waktu puncak.
- (iii) Contoh garis panduan yang diwajibkan bagi pemasangan lampu isyarat pejalan kaki yang digunapakai oleh MBPP dan MPSP adalah seperti berikut:
  - (a) Arahan Teknik Jalan (JKR) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan;
  - (b) Garis Panduan Pemasangan Railing, Laluan Pejalan Kaki Jenis Konkrit Dan Ramp Mengikut Rekabentuk Sejagat (Universal Design);
  - (c) Rekabentuk Bandar Selamat / Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED); dan
  - (d) Garis Panduan Pembangunan Eco City Batu Kawan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. (i) Terangkan dasar sewa tanah industri yang dibangunkan oleh PDC untuk pengusaha dan pengilang dalam dan luar negara?
- (ii) Jelasnya perubahan ke atas kadar sewa dari 10sen psf setahun kepada 10% daripada jumlah sewaan untuk *consent fee*?
- (iii) Kenapa penyewa perlu bayar tiga (3) tahun *consent fee* terlebih dahulu sedangkan dalam perusahaan wujud ketidakpastian?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. (i) Kerajaan Negeri melalui PDC tidak melaksanakan dasar sewa tanah industri tetapi melaksanakan dasar penjualan tanah industri yang diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan pelaburan perindustrian oleh pelabur dalam dan luar negara. Sewaan yang wujud adalah diantara pemilik tanah dengan pihak ketiga sekiranya tanah industri tersebut mempunyai ruang kosong yang boleh dibina atau dijadikan kilang baru. Harga jualan tanah perindustrian yang ditetapkan di bawah dasar penjualan tanah industri ini haruslah kompetitif dan amat menggalakkan untuk pelabur memulakan pelaburan awal di Pulau Pinang. Dengan ini, ianya mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi dengan penajaan peluang pekerjaan dan pewujudan industri-industri kecil yang menyokong pertumbuhan aktiviti perindustrian tersebut. Berdasarkan dasar ini, maka PDC harus memastikan agar penjualan tanah industri ini sentiasa dikawal selia dan mengikut terma-terma yang telah digariskan agar usaha Kerajaan Negeri ini mencapai hasratnya serta dapat mengelakkan pihak-pihak berkepentingan untuk mengambil kesempatan terhadap dasar penjualan tanah perindustrian ini. Untuk itu, suatu mekanisme kawalan melalui pelaksanaan kebenaran untuk penyewaan di mana suatu fi bagi kelulusan daripada PDC telah dikenakan ke arah pemeliharaan hasrat dan objektif yang telah ditetapkan ini sentiasa terkawal dan dipatuhi.
- (ii) Perubahan ke atas kadar *consent fee* dari 10 sen sekaki persegi setahun kepada 10% daripada jumlah sewaan adalah bertujuan meningkatkan kawalan serta mengukuhkan lagi dasar sedia ada. Sehubungan dengan itu, PDC telah mengkaji semula bayaran *consent fee* agar perkara ini dapat diatasi dengan sewajarnya. Untuk makluman, lebih 90% daripada syarikat-syarikat tersebut telah menjelaskan bayaran *consent fee*.
- (iii) Bayaran *consent fee* yang dikenakan bagi permohonan penyewaan adalah selaras dengan perjanjian penyewaan di antara tuan tanah dan penyewa. Contohnya, jika perjanjian penyewaan adalah setahun maka bayaran *consent fee* hanyalah untuk setahun sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Tarif air Pulau Pinang adalah paling rendah tetapi penggunaan air domestik pula paling tinggi di Malaysia.
  - (i) Apakah perancangan/usaha kerajaan negeri supaya penggunaan air tidak melebihi kadar penggunaan air yang disyorkan. Sila huraikan.
  - (ii) Adakah inisiatif Kerajaan Negeri membawa impak positif atau kesedaran mengurangkan pembaziran air di kalangan pengguna?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. (i) Pulau Pinang merupakan Negeri yang mengenakan tarif air yang paling rendah dalam Negara iaitu RM0.32 setiap 1000 liter untuk 35,000 cubic meter berbanding dengan RM1.32 untuk Negeri Johor. Ini merupakan hanya 25% daripada bil air Johor. Air merupakan sumber terpenting dalam kehidupan manusia dan alam sekitar. Manusia menggunakan air bagi kegunaan seharian, melakukan aktiviti pertanian dan tidak terkecuali sektor perindustrian. Selain dari itu, air juga penting bagi alam sekitar di dalam kitaran menstabilkan suhu global.



Di Malaysia, secara amnya sumber bekalan air mentah adalah dari kawasan tadahan air termasuk sungai, tasik dan badan-badan air yang lain. Namun demikian, permintaan air (*water demand*) ke atas sumber air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat ekonomi dan juga populasi manusia menjadikan kekurangan bekalan air sebagai salah satu cabaran terhadap negara.

Bagi Negeri Pulau Pinang, sumber air mentah dengan anggaran 80% adalah dari Sungai Muda manakala baki 20% adalah dari sumber kawasan tadahan air negeri yang telah diwartakan. Air dari aliran kawasan tadahan ini terus mengalir ke 3 buah empangan utama iaitu Empangan Teluk Bahang, Empangan Ayer Itam dan Empangan Mengkuang. Pulau Pinang seperti yang diketahui adalah negeri yang pesat membangun dari segi ekonominya secara tidak langsung menuntut permintaan air yang tinggi. Bacaan terkini, penyaluran harian air terawat telah mencapai 1,053.7 MLD manakala penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang adalah yang tertinggi di Malaysia dengan mencatatkan 286 l/c/d berbanding purata kebangsaan iaitu 209 l/c/d. Di dalam masa yang sama, Pulau Pinang masih mengekalkan tarif air yang terendah berbanding negeri lain di Malaysia iaitu untuk pengguna domestik bagi 35,000 liter sebulan hanya RM0.32 setiap 1,000 liter manakala purata kebangsaan adalah sebanyak RM0.70.

Bagi memastikan kelestarian sumber air, pembekalan yang berterusan dan dalam masa yang sama mengelak dari sebarang krisis atau catuan air pada masa hadapan, dengan mengambilkira situasi semasa kadar tarif air, Kerajaan Negeri menerusi PBAPP telah mengambil langkah yang amat wajar dan munasabah iaitu untuk meningkatkan WCS (Water Conservation Surcharge) dari RM0.48 kepada RM1.00 per 1000 liter bagi penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan. WCS dilihat hanya akan menjejaskan 25% daripada jumlah pengguna domestik yang menggunakan air lebih daripada 35,000 liter sebulan dan dalam masa yang sama dapat mendidik dan memberi kesedaran terhadap penjimatan air kepada penduduk Pulau Pinang khususnya. Permohonan ini telah pun dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bertarikh 28hb April 2017 dan masih menunggu keputusan terhadap permohonan tersebut.

- (ii) Sumber air adalah sumber yang amat bernilai untuk terus dipelihara. Oleh yang demikian adalah penting di dalam memastikan penggunaan sumber ini dapat dijimatkan dan kesedaran mengenai pembaziran air perlu disampaikan kepada pengguna.

Pada tahun 2010, WCS diperkenalkan Kerajaan Negeri pada kadar RM0.24 per 1000 liter manakala pindaan WCS pada tahun 2013 pada kadar RM0.48 per 1000 liter telah menunjukkan impak dan kesedaran yang amat positif kepada pengguna. Pengenal WCS telah membuktikan penggunaan domestik per kapita di negeri Pulau Pinang tidak terus meningkat sehingga mencecah 315 l/c/d pada tahun 2016. Ia menunjukkan penurunan kepada hanya 286 l/c/d di mana ia hampir penyamai penggunaan pada tahun 2009. Terdapat hubung kait antara penggunaan dan harga air, di mana penggunaan air adalah rendah apabila harga air adalah tinggi. Perlu diingatkan juga, walaupun nilai WCS telah dicadangkan untuk dinaikkan dari RM0.48 per 1000 liter kepada RM1.00 per 1000 liter, ia tidak melibatkan tarif air. Sebaliknya dijangkakan hanya 25% daripada pengguna domestik akan terkesan dengan kenaikan ini dan di dalam masa yang sama ia dapat menyedarkan pengguna terhadap penjimatan air seterusnya menjamin kelestarian sumber air di negeri Pulau Pinang.

Graf yang menunjukkan impak pelaksanaan WCS berhubungkait di antara penggunaan air domestik per kapita (l/c/d) dari tahun 2000 sehingga 2016 dan graf hubung kait antara penggunaan dan harga air akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan tamat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. (i) Apakah peranan, kepentingan dan kedudukan kerajaan negeri dalam pembangunan Projek Penang Sentral? Huraikan.
- (ii) Berapakah nilai sumbangan kewangan Kerajaan Negeri dalam pembangunan Projek Penang Sentral?
- (iii) Milik siapakah tanah Projek Penang Sentral dan huraikan peranan Penang Sentral dalam membangunkan Hub Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. (i) Kerajaan Negeri berperanan memberikan sokongan yang diperlukan dalam pembangunan projek Penang Sentral khususnya dalam urusan kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan-Pelan Kejuruteraan di peringkat Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri juga telah memberi sokongan penuh dalam urusan permohonan pemberimilikan tanah-tanah Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan Penang Sentral. Tindakan 'fast-track approval' itu diakui sendiri oleh pengusaha projek Penang Sentral sebagai kritikal untuk projek ini dimulakan dan berjalan dengan lancar.

Dari segi kepentingan, Projek pembangunan Penang Sentral ini sememangnya mendukung hasrat Kerajaan Negeri dalam menambahbaik kemudahan pengangkutan awam kepada rakyat Pulau Pinang khususnya. Projek ini juga adalah selaras dengan Rancangan Tempatan dan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (Penang Transport Masterplan) di bawah Kerajaan Negeri.

- (ii) Projek ini merupakan inisiatif pihak swasta melalui Kerajaan Persekutuan. Tiada sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri.
- (iii) Tanah Projek Penang Sentral yang melibatkan 28 lot tanah di kawasan Seksyen, Bandar Butterworth telah diberimilik kepada Penang Sentral Sdn. Bhd. (PSSB), iaitu anak syarikat milik penuh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Penang Sentral Sdn. Bhd. (PSSB) berperanan untuk membangunkan Hub Pengangkutan Awam bagi Koridor Utara di Butterworth, Pulau Pinang sebagai salah sebuah projek inisiatif pihak swasta untuk kepentingan awam selaras dengan 'blueprint' pembangunan Koridor Utara di bawah pihak 'Northern Corridor Implementation Authority' (NCIA). Hub Pengangkutan Awam Penang Sentral akan menggabungkan kesemua jenis pengangkutan awam di Butterworth termasuk bas, teksi, feri dan keretapi di bawah satu bumbung yang menawarkan satu sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Selain itu, ia merupakan pemangkin kepada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang dapat merealisasikan perancangan di dalam pelan tersebut.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memartabatkan fungsi *check and balance* Dewan Undangan Negeri dengan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (*public enquiry*) secara terbuka tersebut? Sekiranya ya, apakah perkembangannya? Sekiranya tidak, mengapa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan pendengaran awam (*public enquiry*) secara terbuka masih dalam peringkat kajian dan pertimbangan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Sebanyak dua kali mesyuarat telah dijalankan bagi mengkaji dan mempertimbang kewajaran penubuhan Jawatankuasa Pilihan ini. Dalam mesyuarat kedua, YB. ADUN Kawasan Bukit Tengah telah dijemput hadir bagi memperjelaskan cadangan penubuhan jawatankuasa ini

kepada Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

Sehubungan itu, cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan ini masih diperingkat kajian dan pertimbangan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Adakah Kerajaan Negeri telah menyiapkan kajian EIA bagi projek tambakan laut di selatan Pulau Pinang? Jika ya, sila nyatakan nama syarikat yang melakukan kerja tersebut, berapakah kosnya dan bila disiapkan laporan tersebut, untuk dihantar ke Kerajaan Pusat?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. SRS Consortium selaku Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner*) (PDP) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah menyiapkan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (*EIA Schedule 2*) untuk Projek *Penang South Reclamation* (PSR) yang melibatkan tanah seluas 4500 ekar dan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 28 April 2017. Perunding yang melaksanakan EIA ini adalah Dr.Nik & Associates Sdn Bhd yang dilantik oleh Pihak SRS Consortium.

Berdasarkan syarat-syarat *Letter of Award (LoA)* yang telah ditawarkan, SRS Consortium sebagai PDP dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan kelulusan wajib daripada Kerajaan Pusat dan kos tersebut perlu ditanggung oleh pihak SRS Consortium. Kos yang terlibat hanya akan dibincangkan bersama setelah perjanjian akhir dengan pihak SRS Consortium dimuktamadkan selepas kesemua kelulusan wajib diperolehi daripada Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Bilakah projek terowong akan dilaksanakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam kini masih lagi di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan di mana kemajuan kajian telah mencapai 87%. Kajian Kebolehlaksanaan Terowong ini pada awalnya dijangkakan siap pada Disember 2016. Walau bagaimanapun pelanjutan masa telah diberikan kepada pihak kontraktor sehingga September 2017 setelah mengambil kira keperluan penyelarasan maklumat kajian yang melibatkan pelan induk projek tebus guna laut di sekitar Bagan Ajam oleh Syarikat Rayston Consortium Butterworth Sdn. Bhd. (RCBSB) yang masih belum dimuktamadkan. Mengikut perancangan awal, pembinaan Terowong Link Ketiga ini dijadualkan bermula pada tahun 2021 dan dijangka siap antara tahun 2025-2030. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada laporan kajian kebolehlaksanaan yang akan disiapkan kelak.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. (i) Adakah daging ayam dan telur ayam yang dijual di Pulau Pinang selamat untuk dimakan?  
(ii) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menjamin keselamatan bekalan daging ayam dan telur ayam untuk memastikan tidak dijangkiti virus H1N1?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. (i) Sehingga kini, daging ayam dan telur ayam dijual yang di negeri ini, khususnya yang dikeluarkan oleh penternak tempatan adalah selamat untuk dimakan. Keputusan persampelan untuk penyakit ayam yang telah dijalankan di kebanyakan ladang dan keputusan penyakit bagi penyakit Avian Influenza adalah negatif. Pemantauan juga dijalankan secara berterusan oleh Kesihatan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) bagi memastikan daging dan telur ayam yang dimakan adalah selamat dan bebas dari sebarang penyakit berjangkit.

- (ii) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui JPVPP bagi memastikan bekalan daging dan telur ayam tidak dijangkiti virus H1N1 adalah seperti berikut:
- (a) Mengawal pergerakan ayam yang dikeluarkan oleh ladang melalui permit pemindahan bagi tujuan daya jejak penyakit;
  - (b) Memastikan semua kenderaan yang membawa ayam / itik ke negeri yang terjejas dengan penyakit Avian Influenza disucihama / disinfekt terlebih dahulu sebelum keluar dari negeri tersebut;
  - (c) Menjalankan program pemantauan klinikal bagi mengesan tanda-tanda klinikal penyakit atau sekiranya terdapat laporan kematian yang tinggi berlaku di ladang. Sehingga kini, tiada laporan kematian yang tinggi di ladang ayam pedaging dan penelur komersil dilaporkan;
  - (d) Menjalankan program pemantauan aktif melalui persampelan ayam iaitu 100% ladang di kawasan Valdor dan beberapa kawasan lain di Pulau Pinang. ; dan
  - (e) Mengeluarkan arahan kepada semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah, Makmal Veterinar Kawasan Bukit Tengah serta semua penternak unggas untuk melaporkan kepada JPVPP sekiranya terdapat kematian ayam/itik yang melebihi 3% untuk diambil tindakan selanjutnya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Apakah cadangan untuk membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran LTAPP telah dipohon melalui *Rolling Plan 3* RMKe-11 pada tahun ini dan keputusan permohonan tersebut dijangka akan diperolehi pada suku keempat tahun ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri dan kerajaan tempatan terhadap insiden lori penguatkuasa MBPP yang telah dirampas oleh dua orang lelaki pada 4 May 2017 tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Insiden lori Penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang dirampas oleh dua (2) orang lelaki pada 4 Mei 2017 yang lalu telah dibuat laporan Polis oleh Jabatan Penguatkuasaan MBPP pada hari yang sama pada jam 8.45 malam. Dianggarkan seramai 20 orang terlibat dalam kes tersebut. Setakat ini, pihak PDRM memaklumkan kedua-dua suspek telah ditahan reman mulai 5 Mei 2017 hingga 9 Mei 2017 selama 4 hari dan kemudian telah dituduh di Mahkamah Majistret George Town pada 9 Mei 2017 di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan. Kedua-dua suspek ditawarkan jaminan RM7,000 setiap seorang. Kedua-duanya mengaku tidak salah dan tarikh sebutan akan datang ditetapkan pada 14 Julai 2017. Kedua-dua tertuduh membayar jaminan tersebut.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Penempatan semula penjaja dari Jalan Kuala Kangsar ke Jalan Chowrasta telah menyebabkan penjaja mengalami suasana yang agak panas. Masalah ini telah menjejaskan perniagaan mereka.

- (i) Adakah MBPP akan membina bumbung tetap di Jalan Chowrasta?

- (ii) Kawasan Komtar tidak mempunyai balai rakyat, bolehkah tingkat 3 Pasar Chowrasta dijadikan sebagai balai rakyat?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 30. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang mengkaji kaedah dan kesesuaian bagi membantu mengurangkan masalah yang dihadapi penjaja di Jalan Chowrasta.
  - (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil maklum akan cadangan pembinaan bumbung tetap di Jalan Chowrasta. Walau bagaimanapun, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan mengkaji kesesuaian untuk membina bumbung di kawasan tersebut memandangkan kawasan berkenaan terlibat dengan bangunan-bangunan warisan.
  - (ii) Pada masa ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) belum berhasrat untuk menggunakan ruang komersial Tingkat 3, Pasar Chowrasta sebagai balai rakyat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 31. Jelaskan kejayaan Medan Fair tahun ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 31. Penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Pekan Raya Sumatera Utara Kali Ke 46 (*Medan Fair 2017*) dari 17 Mac hingga 17 April 2017 adalah bertujuan untuk:-
  - (i) Mengeratkan hubungan dua hala antara Negeri Pulau Pinang dengan Sumatera Utara;
  - (ii) Mempromosikan produk usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) dan makanan ikonik Negeri Pulau Pinang;
  - (iii) Mewujudkan jalinan kerjasama dagangan yang erat antara usahawan Pulau Pinang dengan usahawan Sumatera Utara; dan
  - (iv) Menerokai dan menembusi pasaran dagangan Sumatera Utara.

Penyertaan ke Medan Fair 2017 telah melibatkan sebanyak 10 syarikat usahawan IKS Negeri Pulau Pinang yang mempamerkan produk terdiri dari makanan, minuman, aksesori wanita, kosmetik dan herba.

Pameran produk berkenaan diadakan bertujuan untuk memperkenalkan produk keluaran IKS baharu dari Pulau Pinang serta mengukur penerimaan ke atas produk tersebut sebelum ianya diketengahkan di pasaraya-pasaraya yang terdapat di Sumatera Utara. Berdasarkan anggaran, seramai 10,000 orang pengunjung telah mengunjungi *booth* usahawan IKS Negeri Pulau Pinang.

Walaupun matlamat utama penyertaan usahawan IKS Negeri Pulau Pinang adalah untuk mempromosikan produk usahawan tempatan, dan memandangkan terdapat stok produk usahawan IKS yang sedia ada serta permintaan dari pembeli yang berminat, maka produk-produk usahawan IKS turut dijual dengan nilai anggaran jualan sebanyak RM49,000.00. Disamping itu, terdapat lebih daripada 4,000 pertanyaan dari pembeli berpotensi (*potential buyer*) yang berminat terhadap produk usahawan IKS Negeri Pulau Pinang.

Pavillion Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah turut disertai oleh KPJ Penang Specialist Hospital (KPJ) bertujuan bagi mempromosikan sektor pelancongan kesihatan di Pulau Pinang. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, pihak KPJ Penang Specialist Hospital (KPJ) mendapati sambutan dari warga Medan yang berminat untuk mendapatkan maklumat dan khidmat perubatan di KPJ Penang Specialist Hospital (KPJ), terutamanya di Negeri Pulau Pinang adalah amat memberansangkan. Berdasarkan anggaran, hampir seramai 500 orang pengunjung telah menunjukkan minat bagi mendapatkan maklumat berkenaan pakej-pakej perubatan yang disediakan oleh KPJ Penang Specialist Hospital (KPJ) Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut,

seramai 45 orang pengunjung akan mendapatkan rawatan susulan di KPJ Penang Specialist Hospital (KPJ) Pulau Pinang.

Selain itu, satu sesi Dialog Pelaburan dan Pemandaran Perniagaan telah diadakan sempena Medan Fair 2017 pada 17 April 2017. Sesi tersebut telah dihadiri oleh seramai 131 orang peserta, di mana seramai 83 orang peserta adalah dari Pulau Pinang dan 48 orang peserta adalah dari Sumatera Utara. Sesi dialog pelaburan pada kali ini memberi fokus untuk mempromosikan tiga (3) sektor utama iaitu Pelancongan Kesihatan (*Health Tourism*), Pendidikan Antarabangsa (*International Education*) dan Pelancongan (*Tourism*). Acara ini telah berjaya menyediakan platform yang dinamik bagi menyediakan informasi dan pengetahuan mengenai peluang pelaburan dan perniagaan yang sedia ada di Pulau Pinang kepada usahawan Sumatera Utara. Lanjutan itu, usahawan yang hadir dapat merancang kerjasama dalam ketiga-tiga sektor yang diketengahkan serta dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai hub bagi sektor-sektor tersebut.

Sebagai makluman Yang Berhormat, dua (2) Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangani yang melibatkan usahawan dari Pulau Pinang dengan Sumatera Utara bersempena dengan sesi Dialog Pelaburan dan Pemandaran Perniagaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Perjanjian MoU tersebut melibatkan:-

- (i) Transbizz Network (M) Sdn. Bhd. dengan PT Sarana Gemilang bagi khidmat perunding bekalan air bersih di Sumatera Utara; dan
- (ii) Ah Basri Quality Food Sdn. Bhd. dengan PT Bumi Trans Nusantara bagi membuka rangkaian produk dan restoran makanan berasaskan satay di Sumatera Utara.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

32. Sila senaraikan Projek Kajian MESRA Kehijauan Alam dengan pihak tempatan dan agensi antarabangsa. Apakah hasil dan faedah kepada negeri dan negara?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

32. Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier and Happier Penang* telah melaksanakan pelbagai projek hijau ke arah merealisasikan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau (*green state*). Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri telah menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada:-

- (i) United Nation Environment Programme (UNEP);
- (ii) United Nation Center for Regional Development (UNCRD);
- (iii) International Environmental Technology Center (IETC);
- (iv) Japan International Cooperation Agency (JICA);
- (v) Global Environment Center (GEC);
- (vi) Climate and Clean Air Coalition (CCAC);
- (vii) International Partnership for Expanding Waste Management Services of Local Authorities (IPLA); dan
- (viii) Compact of Mayors on International Council for Local Environment Initiatives (ICLEI).

Atas dasar keyakinan terhadap kapasiti serta kesungguhan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau, pertubuhan-pertubuhan tersebut telah bersetuju menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi bagi melaksanakan projek-projek hijau berikut:-

- (i) *Household E-Waste Management Programme*;
- (ii) *CCAC Project for Short Lived Climate Pollutant (SLCP) Phase 1, 2 and 3*;
- (iii) *Management of Mercury Waste from Household Fluorescent Lamp Waste*;
- (iv) Pelaksanaan Penilaian Pelepasan Gas Rumah Hijau Peringkat Kerajaan Tempatan; dan

- (v) Pelan Tindakan Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau.

Pelaksanaan projek-projek hijau tersebut telah memberikan pelbagai impak dan faedah yang signifikan kepada Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya, dimana ianya telah berjaya:-

- (i) Membentuk hubungan kerjasama yang erat antara Pulau Pinang dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa sebagai pemangkin polisi dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi hijau di rantau Asia Tenggara;
- (ii) Memberi pengiktirafan kepada Pulau Pinang sebagai *Centre of Excellence* dalam aspek kajian, metodologi pelaksanaan dan aplikasi teknologi hijau di rantau Asia Tenggara;
- (iii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat rujukan dan model dalam pelaksanaan aplikasi teknologi hijau kepada negara-negara membangun seperti Afrika Selatan dan Asia Pasifik;
- (iv) Mewujudkan platform kepada wakil Kerajaan Negeri untuk dijemput hadir ke forum/persidangan antarabangsa sebagai penceramah, moderator dan pembentang kertas kerja mengenai hasil kejayaan (*success story*) program-program hijau di negeri Pulau Pinang;
- (v) Membuka peluang dan ruang kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan pihak swasta di Pulau Pinang diberikan latihan pembangunan kapasiti (*capacity building*) dalam polisi, pengurusan dan aplikasi teknologi hijau;
- (vi) Menarik minat JICA dan CCAC untuk menyalurkan peruntukan ke negeri Pulau Pinang bagi tujuan kajian, pelaksanaan projek dan diberikan kepercayaan untuk menganjurkan forum bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang;
- (vii) Memberikan penghormatan kepada wakil Kerajaan Negeri yang dijemput oleh CCAC untuk terlibat dalam proses penyediaan usul di *Conference of Parties (COP)* khasnya COP20 dan COP21; dan
- (viii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai model rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dalam kejayaan pelaksanaan polisi *Household E-Waste* di Pulau Pinang yang kini digunapakai di seluruh Malaysia.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

33. (i) Berapakah pendapatan purata penduduk Pulau Pinang terkini?  
(ii) Sila nyatakan mengikut sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian mengikut daerah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

33. (i) Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata penduduk Pulau Pinang yang terkini iaitu tahun 2014 adalah sebanyak RM5,993.  
(ii) Data pendapatan isi rumah purata yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia tidak dipecahkan mengikut sektor atau daerah.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

34. Dalam Sidang Media *Forum Electoral Reform* pada 31.3.17, YB Chow Kon Yeow mengumumkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh merealisasikan *electoral reform* dengan menambah tujuh kerusi tanpa KADUN (*non-constituent seats*) untuk menambah ADUN wanita dari 6 (15%) kepada 13 (27%).
- (i) Bilakah usul penambahan tujuh kerusi wanita tanpa KADUN di DUN Pulau Pinang akan dibentang?
  - (ii) Adakah pembahagian tujuh kerusi wanita dibuat mengikut undi popular PRU13 atau PRU14?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

34. Konsep tersebut dalam peringkat cadangan oleh ahli akademik dan belum dibincangkan atau diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

35. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk memperluaskan lebuh raya yang bersambung kepada Jambatan Pulau Pinang Pertama sehingga ke Seberang Jaya untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya semasa waktu lepas kerja?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

35. Pihak Kerajaan Negeri sememangnya prihatin mengenai kesesakan yang berlaku pada waktu puncak di Lebuhraya Utara Selatan antara Sungai Dua dan Juru yang bersambungan dengan Jambatan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri difahamkan bahawa Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia sedang menjalankan kajian kemungkinan bagi cadangan pembinaan lebuh raya baru di kawasan utara sebelum sebarang cadangan pembinaan atau pelebaran lebuh raya sedia ada dilaksanakan.

Dalam pada itu, beberapa inisiatif juga telah dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) untuk mengatasi kesesakan melalui penyuraian trafik di kawasan Sungai Dua hingga ke Juru seperti berikut :-

- (a) Membina *uni – directional ramp* yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan dan Jalan Perusahaan; dan
- (b) Menanda semula garisan jalan (*lane channelization*) di laluan berikut :-
  - (i) Dari persimpangan Jambatan Pulau Pinang hingga ke jalan susur ke Seberang Jaya di km 137 (Arah Utara); dan
  - (ii) Dari Kawasan Rehat & Rawat Juru hingga ke Plaza Tol Juru (Arah Selatan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

36. Pembangunan SJK (T) dan SJK (C):
- (i) Apakah program dan perancangan kerajaan negeri dalam membangunkan masa depan kedua-dua jenis sekolah tersebut?
  - (ii) Senaraikan jumlah sekolah mengikut DUN beserta jumlah pelajar, nama guru besar dan nombor telefon. (iii) Nyatakan jumlah peruntukan kerajaan persekutuan dan negeri bagi kedua-dua jenis sekolah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

36. (i) Hal ehwal pendidikan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Namun, Kerajaan Negeri sedia membantu dalam hal ehwal pendidikan untuk kepentingan dan masa depan masyarakat.
- (ii) Senarai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mengikut daerah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan diletakkan di atas meja ahli Yang Berhormat setelah selesai sesi soalan lisan. Namun, maklumat berkenaan jumlah pelajar, nama guru besar, dan nombor telefon boleh dirujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri kerana ianya tidak dikemukakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.
- (iii) Sejak tahun 2009 hingga 2017, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan masing-masing sebanyak RM15,500,000.00 kepada SJKT dan RM36,539,000.00 kepada SJKC. Jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada kedua-dua sekolah tersebut tidak didedahkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

**RUJ. LAMPIRAN LHSO (NO. 36)**



**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

37. Senaraikan dengan terperinci (negara asal/umur/jantina/status ibu bapa dan sebagainya) kanak-kanak tanpa kewarganegaraan (*stateless children*) dalam Negeri Pulau Pinang. Huraikan polisi, strategi, tindakan dan pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani isu ini agar tiada masalah-masalah tertimbul dari isu ini membawa impak kepada masyarakat kita pada bila-bila masa saja.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

37. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak menyimpan rekod bagi kanak-kanak yang tiada taraf kewarganegaraan (*stateless children*). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Program Kewarganegaraan Pulau Pinang yang telah dilancarkan pada 1 Februari 2013 berfungsi bagi membantu individu yang tidak mempunyai kad pengenalan dengan melaksanakan tugas-tugas berikut:-
- (a) mengumpul data dan maklumat berhubung penduduk-penduduk Pulau Pinang yang masih belum mempunyai taraf kewarganegaraan iaitu tidak memiliki sijil kelahiran, kad pengenalan atau pun hanya mempunyai taraf pemastautin tetap;
  - (b) mengadakan perjumpaan dengan semua Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan sekali dalam sebulan bagi mengkompilasi data dan maklumat berhubung penduduk tanpa kerakyatan bagi seluruh Pulau Pinang;
  - (c) menyediakan laporan-laporan berkala dengan menggunakan data dan maklumat yang telah dikumpul;
  - (d) membantu penduduk-penduduk yang masih belum mempunyai sijil kelahiran, kad pengenalan atau hanya mempunyai taraf pemastautin tetap untuk membuat permohonan secara sah dan lengkap di Jabatan-Jabatan Pendaftaran Negara;
  - (e) mengatur dan mengkoordinasi dengan kesemua Pusat-Pusat Khidmat ADUN-ADUN dan Ahli- Ahli Parlimen di daerah masing-masing bagi tugas-tugas pelaksanaan program ini yang berkaitan.

Sejak 1 Februari 2013 hingga 31 Disember 2016, sebanyak 793 individu telah dibantu oleh Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan dalam permohonan mereka untuk memperolehi sijil kelahiran, MyKad Biru, status kewarganegaraan dan lain-lain permohonan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

38. Dalam Ucapan Bajet 2107, Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan "Inisiatif Telekomunikasi Menuju Ke Arah Pulau Pinang Sebagai Smart City". Sila jelaskan:
- (i) Setakat mana perlaksanaannya; dan
  - (ii) Adakah perlaksanaannya tertumpu di sebelah pulau sahaja atau termasuk kawasan Seberang Perai?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

38. (i) Status terkini pelaksanaan Inisiatif Telekomunikasi Menuju Ke Arah Pulau Pinang Sebagai *Smart City* yang merangkumi struktur telekomunikasi, *Fiber Forward Penang (FFP)* dan *Penang Free WiFi (PFW)* adalah seperti di **Lampiran A**.
- (ii) Inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang selari dengan perkembangan semasa adalah meliputi seluruh Negeri Pulau Pinang secara berperingkat.

**RUJ. LAMPIRAN A LDMZA (NO. 38)**

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

39. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM5 juta dalam bentuk geran kepada MPSP dan MBPP.
- (i) Apakah projek dan program yang dilaksanakan melalui peruntukan itu?
  - (ii) Selain dari peruntukan tersebut adakah terdapat apa-apa peruntukan lain?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

39. Peruntukan RM5 juta adalah merupakan Geran Keseimbangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.
- (i) Peruntukan Geran Keseimbangan tersebut tidak digunakan untuk pembangunan sebarang projek atau program tetapi disalurkan ke dalam akaun Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan digunakan untuk tujuan perbelanjaan mengurus.
  - (ii) Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan bagi tahun 2017 bagi pelaksanaan dua (2) projek kepada MBPP iaitu Projek Kecil dan Kampung Tradisional (BP1) bagi penyelenggaraan jalan/subsidi bayaran elektrik ke atas lampu jalan dan Projek Bandar Selamat berjumlah RM1,029,511.00. Manakala sebanyak empat (4) projek telah diluluskan Kerajaan Persekutuan kepada MPSP iaitu Projek Penyelenggaraan Jalan, Projek Kecil dan Kampung Tradisional (BP1) bagi pemasangan lampu jalan/menaik taraf kompleks makanan dan Projek Bandar Selamat yang berjumlah RM10,789,000.00.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

40. (i) Status Pasar Mount Erskine yang usang dimaklumkan kepada ADUN kawasan bahawa akan diubah suai dengan keseluruhan ataupun buat pindaan pada tahun 2016, apakah statusnya sekarang?
- (ii) Kenapa sampai sekarang rancangan ubah suai yang sepatutnya pada tahun 2016 tidak dilaksanakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

40. (i) Tapak Penjaja Mount Erskine ini terletak di atas tanah simpanan jalan bagi tujuan pelebaran jalan di kawasan berkenaan. Buat masa ini Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil ke atas kerosakan sepanjang tahun 2016.
- (ii) Antara sebab pembaikan tidak dapat dinaik taraf secara menyeluruh adalah kerana terdapat kerja-kerja pembangunan unit kediaman di kawasan berkenaan yang akan menggunakan jalan dan laluan tapak penjaja berkenaan. Terdapat satu pemaju yang telah dikenakan syarat bagi menyediakan tapak penjaja dalam pemajuan kediaman sekitar kawasan berkenaan. MBPP dalam perancangan untuk memindahkan sebahagian peniaga di Tapak Penjaja Mount Erskine ke tapak berkenaan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

41. Pelan Induk Pengangkutan bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Apakah status pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan sehingga kini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

41. Status terkini Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Penyediaan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT) kini di peringkat akhir dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Mei 2017.
- (ii) Bagi Projek LRT, Skim Rail (*Rail Scheme*) Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT) telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. SPAD kini dalam proses penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pertengahan tahun 2018. Justeru, kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada penyiapan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara ini.
- (iii) Laporan Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) bagi Projek LRT yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah komprehensif, yang merangkumi sebanyak lapan (8) komponen iaitu:
  - (a) Kajian bunyi, pemodelan dan langkah-langkah kawalan (*Noise measurement*)
  - (b) Kajian Impak Sosial (SIA)
  - (c) Kajian Penghakisan (*Erosion Control*)
  - (d) Kajian Impak Trafik (TIA)
  - (e) Kajian Keselamatan Awam (*Public Safety*)
  - (f) Kajian Impak Visual
  - (g) Kajian dan pencemaran air (*Flooding and water pollution studies*)
  - (h) Kajian Pencemaran Udara (*Air Pollution Studies*)

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 42. (i) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina beberapa buah dewan serbaguna berskala besar di dalam KADUN Permatang Pasir?
- (ii) Jika ada nyatakan lokasinya dan cadangan tarikh pembinaannya. (iii) Jika tiada mohon beri penjelasan sebab musababnya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 42. (i) Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan pembinaan sebuah Dewan Orang Ramai Permatang Pasir di KADUN Permatang Pasir dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM2.5 juta. Cadangan dewan tersebut dengan keluasan 717.5 meter persegi ini mampu menampung 500 orang dalam satu-satu masa. Selain dilengkapi dengan tiga (3) gelanggang badminton, dewan ini juga akan mempunyai kemudahan-kemudahan lain seperti pendingin hawa, tandas, bilik persalinan, sistem siaraya, pentas, bilik VIP, surau, panel akustik, parkir berturap dan kerja-kerja lanskap turut dimasukkan di dalam komponen projek tersebut.
- (ii) Lokasi tapak pembinaan Dewan Orang Ramai Permatang Pasir adalah bersebelahan SJK(C) Kubang Semang Kampung Pelet. Setakat ini kerja-kerja siasatan dan kerja ukur tanah telah disiap sepenuhnya. Mengambil kira proses dokumentasi projek telah di fasa terakhir, perolehan secara tender terbuka akan dilaksanakan pada bulan Julai 2017 dan tarikh milik tapak kepada kontraktor yang berjaya dijangka pada bulan Oktober 2017. Projek ini seterusnya dijangka siap pada tahun 2018.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 43. (i) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meroboh bangunan yang dibina di kawasan Tadahan Air Telok Bahang?

- (ii) Jika ada, bila akan dirobohkan dan jika tidak, kenapa. Huraikan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

43. (i) Kawasan tadahan air Telok Bahang merupakan kawasan sumber air yang penting untuk negeri Pulau Pinang dan merupakan salah satu kawasan tadahan air yang menyumbang kepada 16% bekalan air bersih kepada penduduk manakala 84% sumber air negeri adalah dari Sungai Muda, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) bersama Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dari masa ke semasa menjalankan pemantauan berkala bagi memastikan tiada pencerobohan berlaku atau berulang pada masa hadapan agar sumber air terus terpelihara. Sebarang cadangan untuk tindakan merobohkan bangunan yang dibina di kawasan Tadahan Air Telok Bahang akan dilaksanakan berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sehingga kini, hasil pemantauan telah mengesan 11 kes pencerobohan di kawasan tadahan air Telok Bahang.
- (ii) Tindakan Penguatkuasaan telah pun diambil pada 23 Mac 2017 dan 30 Mac 2017 di bawah Enakmen Air 1967. Ia melibatkan kerja-kerja meroboh binaan yang menghalang laluan air semulajadi serta memotong saluran paip yang digunakan untuk mengambil air sungai bagi kegunaan persendirian tanpa kelulusan. Binaan yang dirobohkan adalah termasuk struktur empangan kecil dan binaan kolam. Tindakan bersepadu ini telah dijalankan bersama jabatan dan agensi dari PDTDBD, Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTG), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), BKSA, Jabatan Perhutanan, PDRM Daerah Barat Daya dan PBAPP. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan telah diselesaikan, Pentadbir Tanah, Daerah Barat Daya (DBD) masih meneruskan pemantauan di kawasan tersebut bagi menjamin binaan semula dan baru tidak dilakukan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

44. Adakah pengeluaran pasir dibuat secara tender/sebutharga. Apakah syarat-syarat tersebut dan kawasan pengeluaran pasir yang masih aktif sehingga kini dengan menyatakan daerah, Mk, keluasan dan premium sebulan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

44. Pengeluaran pasir yang aktif dibuat secara berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) terhadap permohonan permit pengeluaran bahan batuan (Borang 4C) di bawah Seksyen 72, Kanun Tanah Negara 1965 bagi tanah persendirian dan permit disatukan di bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara 1965 (Permit 4B) bagi pengeluaran di atas tanah kerajaan. Pengeluaran permit untuk tanah kerajaan adalah terhad dan dikhususkan kepada persatuan tertentu atau sebab-sebab khas, termasuk mendalamkan sungai demi mengurangkan kesan impak banjir.

Syarat-syarat yang dikenakan bagi pengeluaran pasir di negeri ini adalah kelulusan Permit 4C dan Permit 4B sepertimana syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 67, Seksyen 69, Seksyen 72 Kanun Tanah Negara 1965 dan juga syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam Borang 4B dan Borang 4C di mana berkenaan. Di samping itu, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) juga akan mengenakan lain-lain syarat yang difikirkan perlu. Selain itu, pengusaha juga perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran terlebih dahulu sebelum operasi mengeluarkan pasir sungai dilaksanakan. Pengusaha juga perlu membuat bayaran royalti RM4.00 per tan metrik seperti yang telah ditetapkan dalam *Penang Land Rules* Perkara 7(v)(a).

Hanya dua (2) aktiviti pengeluaran pasir yang masih aktif sehingga kini seperti berikut :

- (i) Pihak Berkuasa Negeri pada 27 April 2016 telah meluluskan permohonan pengeluaran pasir di Muara Sungai Mas, Sungai Kechil dan Sungai Kelian di Daerah Timur Laut dengan keluasan 40.15 ekar kepada Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) untuk tujuan menjalankan Projek Pemuliharaan dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Batu Feringghi,

Pulau Pinang. Pasir tersebut ditambah di Batu Feringghi, Pulau Pinang. Oleh sebab itu, tiada bayaran royalti yang dikenakan ke atas JPS.

- (ii) Pihak Berkuasa Negeri pada 27 Julai 2016 telah meluluskan permohonan pengeluaran pasir di Mukim 16, Daerah Seberang Perai Tengah dengan keluasan 0.21 ekar kepada Koperasi Usahawan Bekas Tentera Pulau Pinang untuk tujuan pengeluaran pasir sungai bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut. Jumlah bayaran royalti yang dikenakan kepada syarikat berkenaan adalah sebanyak RM6,000.00 sebulan (1,500 tan x RM4.00)

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 45. (i) Aduan kerap diterima daripada orang awam tentang taska, tadika atau rumah orang tua yang dijalankan di kawasan perumahan. Apakah pandangan pihak kerajaan tentang aktiviti-aktiviti / perkhidmatan-perkhidmatan ini dan aduan yang diterima?
- (ii) Apakah perancangan untuk menangani penyelarasan keperluan perkhidmatan ini dan masalah di kawasan tempatan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 45. Kerajaan Negeri menyokong aktiviti-aktiviti Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Tadika atau Pusat Jagaan di kawasan perumahan kerana ianya memudahkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka di kawasan berdekatan. Penubuhan TASKA, Tadika dan Pusat Jagaan di kawasan perumahan juga tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pengusaha dibenarkan beroperasi dengan syarat mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengadakan lawatan ke premis tersebut bagi tujuan siasatan. Sekiranya TASKA atau Pusat Jagaan tersebut tidak berdaftar dengan JKM ataupun tidak mematuhi Akta Taska 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 atau Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994, tindakan yang sewajarnya akan diambil. Manakala bagi aduan-aduan berhubung gangguan lalulintas, kebisingan dan ketidakpatuhan aspek bangunan, PBT akan berunding dengan pengusaha TASKA, Tadika atau Pusat Jagaan untuk tindakan sewajarnya.

JKM juga telah menubuhkan One Stop Crisis Centre (OSCC) di mana mesyuarat bersama PBT, Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri diadakan empat (4) kali setahun bagi menyelaraskan peranan setiap agensi dan menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berkaitan aduan TASKA, Tadika dan Pusat Jagaan.

PBT telah mengambil inisiatif menyediakan Garis Panduan Penyediaan Tadika dan TASKA bagi setiap pemajuan yang baru di peringkat permohonan kebenaran merancang. Selain itu, satu Jawatankuasa khas bagi proses pemutihan TASKA dan Pusat Jagaan juga akan ditubuhkan dalam masa terdekat dan masalah atau aduan berkaitan TASKA atau Pusat Jagaan akan dibincangkan dalam mesyuarat ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 46. Senaraikan kes bunuh diri yang berlaku di Pulau Pinang mengikut jantina, umur dan kaum sejak 2014 sehingga kini. Apakah punca-punca berlakunya penambahan kes bunuh diri serta apakah usaha yang diambil oleh pihak kerajaan negeri dalam menangani masalah yang semakin serius?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 46. Maklumat yang diperolehi dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kes-kes bunuh diri yang berlaku di Pulau Pinang mengikut jantina, umur, kaum sejak tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti berikut :- Kes-kes bunuh diri bagi pecahan 9 bangsa/warganegara utama dan jantina dari tahun 2014 hingga Mei 2017 adalah seramai 118 orang melibatkan 93 lelaki dan 25 wanita. Butiran penuh bangsa dan warganegara bagi tempoh tersebut adalah seperti di Lampiran A dan akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan Lisan.

Manakala bagi kes-kes bunuh diri yang melibatkan 118 orang tersebut dan pecahan bangsa/warganegara dan umur pula dari tahun 2014 hingga Mei 2017 adalah seperti di Lampiran B. Adalah didapati majoriti mereka yang terlibat dengan bunuh diri adalah dikalangan yang berumur 19 – 44 tahun iaitu seramai 80 dari 118 orang atau 68%. Pecahan mengikut umur ini adalah seperti di Lampiran B dan akan diedarkan kepada Yang Berhormat bersama Lampiran A selepas sesi soalan lisan.

Punca-punca kes bunuh diri bagi kesemua 118 kematian dari tahun 2014 hingga Mei 2017 boleh diklasifikasikan seperti berikut :-

Bil	Punca / Tahun	2014	2015	2016	2017	Jumlah
1	Masalah keluarga	1	2	1	-	4
2	Masalah hutang	1	1	1	-	3
3	Sakit jiwa	3	2	-	-	5
4	Selisih faham dengan teman lelaki/wanita	-	-	2	-	2
5	Tekanan perasaan	1	2	3	1	7
6	Sebab-sebab yang tidak diketahui	30	29	24	14	97
Jumlah		36	36	31	15	118

#### RUJ. LAMPIRAN A & B LLKL (NO. 46)

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

47. (i) Nyatakan jumlah yg telah diluluskan oleh kerajaan negeri bagi permohonan skim bantuan penyelenggaraan rumah bertingkat - HAPPY sejak diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri?
- (ii) Sila huraikan dalam pecahan mengikut tahun dan daerah?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

47. Sehingga kini sejumlah 29 projek telah dilaksanakan di bawah inisiatif *Housing Assistance Programme of Penang, YES! (HAPPY!)* semenjak dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013. Pelaksanaan projek-projek ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4,739,241.60. Agihan perbelanjaan mengikut tahun dan daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Tahun 2015 (RM)	Tahun 2014 (RM)	Tahun 2015 (RM)	Tahun 2016 (RM)
Timur Laut	-	1,156,900.00	265,500.00	-
Barat Daya	9,610.00	133,720.00	702,655.50	*180,000.00
Seberang Perai Utara	-	1,122,000.00	277,250.00	-
Seberang Perai Tengah	44,856.10	-	846,750.00	-
Seberang Perai Selatan	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>54,466.10</b>	<b>2,412,620.00</b>	<b>2,092,155.50</b>	<b>*180,000.00</b>

Peruntukan yang disalurkan pada tahun 2016 adalah untuk projek Perbadanan Pengurusan Sinar Bukit Dumar (Blok 96) yang telah diluluskan oleh Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) pada tahun 2015.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

48. (i) Apakah benar MPSP dan MBPP akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan taman dan kawasan melalui tender kepada syarikat yang terpilih?
- (ii) Bagaimana dengan kedudukan pekerja-pekerja kontrak MPSP/MBPP, adakah dikekalkan atau ditamatkan?
- (iii) Apakah tindakan kerajaan negeri dalam membela nasib pekerja-pekerja kontrak ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

48. (i) Kerja-kerja pembersihan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan di *outsource* kepada syarikat kontraktor dan hanya melibatkan pembersihan jalan-jalan negeri serta jalan-jalan bandar yang berdaftar dengan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) sahaja. Tender bagi kerja-kerja ini akan diiklankan secara terbuka pada pertengahan bulan Mei 2017 dan pemilihan kontraktor akan dibuat secara telus. Pelaksanaan kerja-kerja pembersihan Taman Rekreasi Awam MPSP dilaksanakan secara dalaman oleh kakitangan MPSP sedia ada. Taman Rekreasi Awam melalui program *Public, Private, People, Partnership (4P's)* diselenggara oleh syarikat korporat yang menaja projek tersebut untuk tempoh seperti yang telah dipersetujui.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula melaksanakan kerja-kerja pembersihan taman dan kawasan melalui tender kepada syarikat yang terpilih untuk kawasan-kawasan yang tertentu sahaja dan untuk kawasan yang tidak dilantik kontraktor, MBPP akan menggunakan khidmat pekerja awam untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan taman dan kawasan.

- (ii) Kerajaan Negeri telah memberi komitmen bahawa pekerja-pekerja kontrak MBPP dan MPSP tidak akan ditamatkan kerja kecuali pekerja-pekerja kontrak yang melanggar peraturan dan dikenakan tindakan tatatertib.
- (iii) Kerajaan Negeri sentiasa membela kebajikan kakitangannya sama ada kakitangan kontrak ataupun kakitangan tetap. Antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi mewujudkan beberapa jawatan tetap bagi membolehkan pekerja kontrak diserap ke jawatan tetap.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memanjangkan beberapa kemudahan yang dinikmati oleh kakitangan lantikan tetap kepada pegawai kontrak seperti berikut :-

- (a) Memanjangkan kemudahan rawatan di klinik-klinik panel PBT secara percuma.
- (b) Memanjangkan skim insurans berkelompok kepada semua kakitangan kontrak.
- (c) Pemberian insentif elaun khas sebanyak RM200.00 setiap bulan kepada kakitangan kontrak PBT yang menjalankan kerja 3 D (*dirty difficult dangerous*). Malah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan membolehkan pegawai-pegawai lantikan kontrak menikmati kemudahan seperti berikut :
- (a) Kadar kelayakan cuti rehat tahunan bagi pesara Kerajaan yang dilantik secara kontrak adalah berdasarkan kadar kelayakan sehari sebelum bersara.
- (b) Pegawai yang telah berkhidmat secara kontrak tidak kurang 4 tahun boleh diluluskan cuti haji bergaji penuh tidak lebih 40 hari sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.

- (c) Pegawai lantikan secara kontrak yang tidak layak kemudahan cuti haji bergaji penuh boleh dipertimbangkan cuti tanpa gaji tidak melebihi 40 hari untuk tujuan mengerjakan haji dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurang 3 tahun.
- (d) Kemudahan cuti tanpa rekod selama 3 hari berturut-turut bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat.
- (e) Kemudahan cuti isteri bersalin sejumlah 7 hari cuti tanpa rekod dan dihadkan kepada 5 kali sepanjang tempoh perkhidmatan.
- (f) Cuti rehat yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan adalah 15 hari atau separuh daripada kadar cuti rehat yang berkecualan pada tahun berkenaan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

49. (i) Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang telah diluluskan pada 2010, akan tetapi sehingga sekarang masih tidak dapat ditubuhkan. Adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat untuk meneruskan penubuhan tersebut?
- (ii) Sekiranya ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi halangan penubuhannya?
- (iii) Sekiranya tidak, mengapa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

49. Kerajaan Negeri sememangnya bercadang untuk meneruskan penubuhan Lembaga Perumahan Pulau Pinang (LPPP). Adalah begitu menghampakan setelah sekian lama pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunggu jawapan dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, baru-baru ini pada 27 April 2017 pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dimaklumkan bahawa permohonan kami telah ditolak.

Langkah terkini, Kerajaan Negeri telah mengemukakan rayuan semula penubuhan LPPP kepada Ketua Setiausaha Negara melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 15 Mei 2017 untuk mempertimbangkan pewujudan LPPP sebagai Badan Berkanun Negeri. Rayuan tersebut masih belum diputuskan dan Kerajaan Negeri menjangkakan pertimbangan tersebut dapat diperolehi dalam jangka masa terdekat.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

50. Apakah langkah-langkah awal yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan negeri dalam hal menangani masalah banjir kilat di Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

50. Antara punca utama berlakunya banjir kilat yang berlaku di Pulau Pinang termasuklah:-
- (i) Kecurahan hujan (rainfall) yang tinggi yang melebihi 60mm dalam tempoh singkat antara 2 hingga 4 jam;
  - (ii) Hujan lebat serentak dengan air laut pasang yang menyebabkan peningkatan aras air sungai-sungai utama;
  - (iii) Topografi kawasan yang rendah atau landai yang menyebabkan air tidak dapat dialirkan keluar ke parit monsun dan sungai;
  - (iv) Sistem saliran dan peparitan dalaman yang tersumbat oleh sampah sarap; dan
  - (v) Parit monsun utama dan sungai-sungai tidak dapat menampung kapasiti air yang banyak ketika hujan lebat.



Bagi menangani ini banjir di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang bersepadu bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah untuk menangani fenomena banjir di Pulau Pinang. Dalam hal ini, terdapat tiga (3) pendekatan utama yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Pendekatan pertama melibatkan operasi pembersihan parit utama yang bermasalah yang dilaksanakan secara mekanikal dengan menggunakan kemudahan jentera pembersihan *Art Gully Emptier secara berkala*. Selain kerja-kerja menaiktaraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di taman perumahan yang menghadapi masalah banjir, Pihak Berkuasa Tempatan juga melaksanakan pembersihan parit besar, perangkap sampah (*trash screen*) dan parit *scupper* secara berkala. Bagi memastikan fenomena banjir tidak berlaku di kawasan bandar bahagian Pulau MBPP telah membuat penyelenggaraan ke atas 28 parit besar sebanyak 4 kali setahun di mana 548 tan kelodak pasir telah dikorek dan dilupuskan hanya untuk pusingan pertama tahun 2017. Pejabat Daerah dan Tanah juga mengambil tindakan di kawasan-kawasan bawah seliaan PDT dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan, membina dan menaik taraf sistem saliran dan perparitan di kawasan-kawasan 'hotspot' yang dikenal pasti.

Selain itu, satu skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana juga telah ditubuhkan untuk menyelaras mekanisma dan mengenal pasti punca kejadian banjir dan bertindak serta membantu di dalam merancang langkah-langkah pemulihan dari segi teknikal dan operasi pembersihan.

Pendekatan kedua Kerajaan Negeri adalah melalui Kawalan Pembangunan Baru di mana pemaju projek pembangunan yang baru di dalam kawasan bandaraya George Town akan dikenakan syarat untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Corporation Agency* (JICA). Manakala bagi projek pembangunan baru di luar kawasan Bandaraya George Town pula, JPS akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Saliran Dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu. Bagi kawasan di Seberang Perai pula, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mewajibkan pihak pemaju supaya mematuhi dan mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mereka bentuk sistem perparitan bagi semua cadangan pembangunan. Selain itu, MPSP juga memantau semua projek pembangunan baru yang dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Pendekatan ketiga yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Projek-projek Tebatan Banjir di mana projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, JPS bertindak sebagai agensi utama (*lead agency*) yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas ini. Selama ini, MBPP, JPS dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri bawah bajet 2017 telah memperuntukkan RM150 juta bagi projek-projek tebatan banjir di seluruh negeri Pulau Pinang. Dengan ini diharapkan fenomena banjir di negeri ini dapat ditangani dengan usaha bersama pelbagai pihak.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi bantuan serta-merta yang merupakan barangan keperluan asas atau makan minum kepada mangsa banjir dan sekiranya berlaku kerosakan rumah kediaman, bantuan tidak melebihi RM2,500.00 akan diberi kepada mangsa setelah siasatan dijalankan. Sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pembayaran ganti rugi kepada mangsa banjir.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

51. Adakah apa-apa kebenaran di dalam kenyataan baru-baru ini oleh Timbalan Menteri Kesihatan Dato' Seri Dr Hilmi Yahya bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak membantu golongan orang miskin dan daif di Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

51. Kerajaan Negeri sememangnya senantiasa peka dan komited dalam hal kebajikan terutamanya membantu golongan miskin dan daif.

Ini dapat dibuktikan melalui pencapaian Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebas daripada miskin tegar sejak tahun 2009 melalui pelancaran Program Pembasmian Kemiskinan Tegar yang dikenali sebagai Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Program AES bagi pembasmian kemiskinan ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan kurang berkemampuan keluar dari paras garis kemiskinan (PGK). Bantuan ini diberikan secara "top up" bulanan kepada penerima-penerima yang telah dikenalpasti mempunyai pendapatan dibawah perkapita RM220.00 sebulan. Sehingga April 2017, seramai 1,461 individu dan keluarga sedang menerima bantuan ini.

Di samping itu, Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi juga dilaksanakan. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 1 tahun dan berpendapatan perniagaan kurang dari RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan bertujuan bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM988,721.91 kepada penerima di semua daerah.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan program bina baharu/baiki rumah rakyat miskin bagi membantu golongan miskin yang berpendapatan tidak melebihi RM1,500.00. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM14,053,836.44 bagi tujuan tersebut.

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) iaitu sebuah skim mikro kredit tanpa faedah kepada usahawan agro berusia bawah 40 tahun termasuk golongan miskin bagi mengembangkan perniagaan sedia ada. Sehingga April 2017, pinjaman mikro kredit TUTM sebanyak RM330,000.00 telah membantu seramai 66 usahawan tani bagi membeli peralatan perkakasan pertanian, membesarkan kandang ternakan dan menaik taraf fasiliti ladang.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah melaksanakan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan. Ia diwujudkan untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan dan juga sebagai usaha membasmi kemiskinan. Pemberian kemudahan pinjaman mikro ini meliputi semua golongan peniaga termasuk golongan miskin berdasarkan perniagaan masing-masing. Sehingga bulan April 2017, sebanyak RM11.71 juta telah diagihkan kepada 2,540 orang usahawan di seluruh Pulau Pinang yang terlibat Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang dan meningkatkan pendapatan perniagaan melalui bantuan ini.

Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA) serta Fourier Technical Consultants (FTC) dalam menyediakan program latihan dan pengajian vokasional, Vocational Skills Employment Program (VSEP) kepada pelajar lepasan SPM.

Sejajar dengan visi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar pintar bertaraf antarabangsa, program VSEP melalui kolaborasi Penang Science Cluster, SAMENTA dan FTC memberi penekanan terhadap aspek adaptif kemahiran teknikal yang boleh digunapakai dalam memenuhi visi tersebut.

Kerajaan Negeri berusaha untuk membantu anak-anak muda yang kurang berkemampuan dan tidak mampu membiayai pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan memberi biasiswa dan juga elaun latihan vokasional. Melalui program VSEP ini, pelajar bukan sahaja belajar, tetapi juga mempraktikkan kemahiran yang diajar sehingga menjadi modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang diminati. Dalam program VSEP, kursus City & Guilds (C&G) dijalankan oleh *Fourier Technical Consultants* dan mereka mempunyai rancangan untuk menambah bilangan pusat latihan sejajar dengan perkembangan VSEP.

Satu program baharu dinamakan “Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (Penang@CAT)” telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*) terutamanya golongan belia. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor *Internet of Things* (IOT).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan bantuan pukut kepada nelayan pesisir pantai sebanyak dua kali setahun. Sehingga kini, sebanyak RM2,926,000.00 telah dibelanjakan bagi sumbangan pelbagai jenis pukut kepada nelayan pesisir pantai di Pulau Pinang.

Adalah jelas berdasarkan kepada program-program yang dinyatakan di atas, Kerajaan Negeri sentiasa memperjuangkan kebajikan rakyat dan sentiasa berusaha menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri berkeusahawanan dan negeri berkebijakan dengan memberi tumpuan kepada golongan miskin dan daif. Oleh itu, adalah jelas bahawa kenyataan YB. Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau adalah tidak benar.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

52. Sila nyatakan dengan teliti berapakah kes cabaran kasar oleh orang awam terhadap pegawai MBPP dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan tempatan untuk menjamin keselamatan anggota MBPP semasa bertugas?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

52. Sehingga kini, sejumlah enam (6) kes cabaran kasar yang melibatkan anggota penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan orang awam telah direkodkan iaitu sebanyak empat (4) kes pada tahun 2016 manakala dua (2) kes pada tahun 2017.

Antara langkah yang telah diambil oleh MBPP bagi menjamin keselamatan anggota MBPP semasa bertugas adalah seperti berikut:

- (i) Mendedahkan seni mempertahankan diri di kalangan anggota penguatkuasa supaya mereka dapat mempertahankan diri apabila diancam;
- (ii) Menyediakan skim insurans berkelompok kepada semua kakitangan MBPP mulai 1 Jun 2017;
- (iii) Setiap anggota keselamatan dan penguatkuasa akan dibekalkan peralatan keselamatan seperti cota;
- (iv) Penggunaan kamera pengintip (*spy camera*) bagi tujuan rakaman bukti;
- (v) Bagi operasi penguatkuasaan yang melibatkan rampasan serta perobohan akan turut dimaklumkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- (vi) Melengkapkan pegawai-pegawai penguatkuasa dengan panduan undang-undang yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

53. Sila nyatakan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan oleh MBPP di sekitar Lebuh raya Halia dan juga jumlah unit serta bilangan tempat letak kereta setiap projek.
- (i) Adakah setelah semua projek ini siap nanti akan menimbulkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut? Apakah cara penyelesaian?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

53. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan tiga (3) projek pembangunan di sekitar Lebuhraya Halia yang merangkumi 3380 jumlah unit dan 4603 bilangan tempat letak kereta seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan.
- (i) Projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di sekitar Lebuhraya Halia sememangnya akan menjana isipadu aliran lalu lintas dan boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut setelah projek pembangunan ini disiapkan. Walau bagaimanapun, pihak MBPP telah dan akan mengambil beberapa tindakan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas dengan :-
    - (a) Pembinaan jalan litaran melalui projek-projek pembangunan terlibat dari Lebuhraya Halia ke Jalan Mount Erskine (di tepi pasar). Penyambungan jalan ini sedang dijalankan oleh dua syarikat pemajuan dan dijangka siap pada 2019.
    - (b) Pembinaan jalan bawah (underpass) dari Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma. Firma perunding telah dilantik untuk menyediakan rekabentuk terperinci dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada hujung tahun 2018 dan disiapkan pada 2021.
    - (c) Pembinaan jejambat untuk menghubungkan Jalan Tanjong Tokong di persimpangan Jalan Tanjong Tokong/Jalan Fettes/Jalan Seri Tanjong Pinang. Pembinaan jejambat ini disyaratkan terhadap sebuah syarikat pemajuan di kawasan berkaitan dan dijangka siap pada 2021.
    - (d) Pelebaran Jalan Brown dan persimpangan Jalan Brown/Jalan Utama. Kerja-kerja telah dimulakan di tapak pada September 2016 dan dijangka siap pada Disember 2017.
    - (e) Pembinaan jalan bawah (underpass) dari Jalan Kelawai ke Jalan Tanjong Tokong. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap pada 2021.

**RUJ. LAMPIRAN A LTLH (NO. 53)**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

54. (i) Perincikan nama organisasi yang menyumbang kepada Kerajaan Negeri hasil kutipan jualan beg plastik sejak bermula program dilancarkan dan jumlah setiap organisasi.
- (ii) Berikan pecahan agihan perbelanjaan wang hasil tersebut dan baki.
- (iii) Jelaskan kejayaan program.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

54. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma telah diperkenalkan di Pulau Pinang sebagai salah satu teras utama dalam pelaksanaan dasar *Cleaner, Greener, Safer & Healthier*. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma bermula pada 1hb Julai 2009, iaitu pada setiap hari Isnin setiap minggu. Kempen ini kemudiannya diperluaskan kepada tiga (3) hari seminggu iaitu pada Isnin, Selasa dan Rabu bermula 1hb Januari 2010. Pada tahun 2011, kempen ini diperluaskan lagi kepada setiap hari untuk perniagaan tertentu, khususnya pasaraya *hyper (hypermarket)*, Pasaraya Besar (*supermarket*), Pasaraya Serbaneka (*departmental stores*), farmasi, restoran makanan segera, rangkaian nasi kandar dan kedai serbaneka (termasuk kiosk stesen minyak).

Jumlah premis yang menyumbang sejak tahun 2009 hingga Mac 2017 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH PREMIS YANG MENYUMBANG
2009	7
2010	22
2011	30
2012	27
2013	26
2014	30
2015	22
2016	22
Mac 2017	12

Bermula April 2017, Kerajaan Negeri telah melaksanakan penambahbaikan garis panduan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik. Semua Pasaraya *Hyper*, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian dan Farmasi yang beroperasi di Pulau Pinang diwajibkan berdaftar dengan kempen ini. Sehingga Mei 2017, sejumlah 613 premis telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyertai kempen ini.

Sejak tahun 2009 hingga Feb 2017, sebanyak RM5,865,801.31 telah diakaunkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang dan disalurkan kepada Tabung Akaun Amanah Kebajikan yang digunakan untuk program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dalam bentuk bantuan kewangan bulanan kepada golongan miskin di samping meningkatkan taraf hidup rakyat dan membasmi kemiskinan di seluruh Negeri Pulau Pinang melalui Tabung Akaun Amanah Kebajikan. Jumlah perbelanjaan program pembasmian kemiskinan melalui AES sejak Mac 2009 sehingga April 2017 adalah RM23.6 Juta.

Secara keseluruhannya, kempen ini telah membantu Kerajaan Negeri dari segi kesedaran kepentingan alam sekitar dan juga tambahan kepada Tabung Akaun Amanah di mana sehingga April 2017, seramai 1,461 rakyat miskin telah berjaya dikeluarkan dari kemiskinan melalui Program Agenda Ekonomi Saksama.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

55. Dasar Hari Tanpa Beg Plastik Percuma mulai Julai 2009. Apakah cabaran dan tindakan untuk mencapai maksud dan tujuan kempen ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

55. Pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Plastik Beg Percuma dari 2009 hingga 2016 (*Plastic Bag 1.0*) secara amnya dilihat telah berjaya mencapai matlamat dalam mengurangkan kadar penggunaan beg plastik di Negeri Pulau Pinang. Namun, terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi sepanjang pelaksanaan kempen adalah:-

- (i) Keperluan untuk memberikan penjelasan kepada rakyat perbezaan prinsip dan konsep antara program beg plastik Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri;
- (ii) Keperluan penyediaan garis panduan baharu yang komprehensif bagi tujuan pematuhan atau *buy in* oleh semua *stakeholders*;
- (iii) Penyediaan kaedah pemantauan *self regulatory* bagi memastikan penyertaan menyeluruh oleh semua *stakeholders*;

- (iv) Penegasan mengenai syarat penyaluran sumbangan kutipan kepada Kerajaan Negeri atau agensi yang diberi kuasa bagi semua kutipan di Pulau Pinang;
- (v) Merangka dan mewujudkan kaedah pengurusan kutipan sumbangan penggunaan beg plastik secara sistematik;
- (vi) Punca kuasa dan penetapan agensi penguatkuasaan untuk tindakan punitif bagi ketidakpatuhan;
- (vii) Penetapan indikator-indikator khusus dalam mengukur pencapaian serta keberkesanan program; dan
- (viii) Pemusatan data pelaksanaan program bagi tujuan laporan dan penambahbaikan di masa hadapan.

Bagi mengatasi cabaran-cabaran tersebut, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Garis Panduan Baharu bagi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang (*Plastic Bag 2.0*) pada 1 Mac 2017 sebagai asas panduan serta rujukan bagi penambahbaikan pelaksanaan program ini.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 56. Sebuah bangunan kekal di atas tanah rizab pantai di Pantai Bersih telah baru dibina dan beroperasi sebagai restoran makanan laut. Apakah status pegangan tanah tapak bangunan tersebut dan adakah bangunan itu mendapat kelulusan MPSP?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 56. Pada 17 April 2017, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU), telah mengeluarkan 22 Notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara kepada pemilik struktur di atas tanah rizab pantai di Pantai Bersih untuk mengosong dan merobohkan bangunan. Ini termasuk bangunan restoran makanan laut yang dimaksudkan memandangkan terdapat lebih daripada satu restoran makanan laut yang beroperasi di kawasan tersebut.

Kesemua binaan di atas tanah rizab pantai tersebut tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri atau pun Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sebarang tindakan penguatkuasaan di kawasan Pantai Bersih sedang dilaksanakan secara berterusan dengan mengikut undang-undang.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 57. Apakah status permohonan:
  - (i) Baik pulih/naik taraf dewan-dewan JKKK Guar Perahu, Sg.Lembu, Kuala Mengkuang, padang bola dan futsal Taman Guar Perahu?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 57. Permohonan bagi menaiktaraf dewan JKKK Guar Perahu, Sg. Lembu, Kuala Mengkuang dan lain – lain dewan yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah masih di peringkat pertimbangan Jabatan Kewangan Negeri untuk kelulusan peruntukan tertakluk kepada keutamaan dan jumlah peruntukan yang disediakan. Bagi projek pembinaan semula bumbung futsal di Taman Guar Perahu pula, Kerajaan Negeri telah meluluskan lantikan terus kontraktor dengan kos projek berjumlah RM259,170.00 merangkumi kerja – kerja fizikal dan kos perunding. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk mengekalkan saiz bumbung kepada 84 kaki persegi dan tempoh pelaksanaan kerja adalah selama tiga (3) bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2017. Manakala permohonan naiktaraf padang bola Taman Guar Perahu masih di dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

58. Terdapat berapa katil pesakit di Hospital Kerajaan di Sungai Bakap, Balik Pulau, Seberang Jaya, Bertam, Bukit Mertajam dan Pulau Pinang?
- (i) Adakah katil-katil tersebut mencukupi untuk pesakit yang masuk wad dan menerima rawatan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

58. Sehingga tahun 2016 terdapat sejumlah 2,130 buah katil pesakit di enam (6) hospital kerajaan di Pulau Pinang. Pecahan bilangan katil mengikut hospital serta kadar penggunaan katil adalah seperti berikut:

il	Hospital	Jumlah Katil	Peratus penggunaan
1	Hospital Pulau Pinang	1201	72.20%
2	Hospital Seberang Jaya	393	82.20%
3	Hospital Bukit Mertajam	242	70.72%
4	Hospital Kepala Batas	108	89.99%
5	Hospital Sungai Bakap	105	51.15%
6	Hospital Balik Pulau	81	52.52%
	<b>Jumlah</b>	<b>2130</b>	<b>73.02%</b>

Di bawah rancangan pembangunan RMK10, beberapa projek pembangunan dan menaiktaraf hospital di Pulau Pinang akan dijalankan. Projek-projek ini termasuklah Kompleks Wanita dan Kanak-Kanak di Hospital Pulau Pinang yang akan menempatkan **329** buah katil tambahan dan Blok *Multi-Storey* Hospital Seberang Jaya yang akan menyediakan tambahan **316** buah katil.

Berdasarkan statistik Kadar Penggunaan Katil bagi tahun 2016, hanya 73.00 % pada 2130 katil yang ada, jumlah katil yang disediakan di wad-wad hospital kerajaan di Pulau Pinang adalah mencukupi untuk pesakit yang masuk wad dan menerima rawatan.

Dengan disiapnya kedua-dua projek pembangunan ini jumlah katil Hospital Kerajaan di Pulau Pinang akan bertambah sebanyak 655 buah, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2785 katil.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

59. Projek Penambakan Gurney dan STP2:
- (i) Berapakah kos perbelanjaan EIA dan DEIA bagi projek tersebut?
- (ii) Apakah Kerajaan Negeri menanggung keseluruhan kos berkenaan? Jika tidak, siapakah yang bertanggungjawab?
- (iii) Apakah projek di atas memberi kesan kepada pesisir pantai sepanjang Gurney Drive? Jika ada, senaraikan secara terperinci.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

59. Projek Tebus Guna Tanah STP 2 dan Persiaran Gurney dilaksanakan oleh pemaju Tanjung Pinang Development Sdn Bhd (TPDSB) yang menanggung segala kos pembangunan projek tersebut. Kos perbelanjaan untuk *Detailed Environment Impact Assessment (DEIA)* juga ditanggung keseluruhannya oleh TPDSB dan oleh itu Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai perkara ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan bahawa tiada kesan negatif akan berlaku kepada pesisir pantai sepanjang Persiaran Gurney, sepertimana yang telah berlaku akibat tambakan pertama Seri Tanjung Pinang.

Dalam pada ini, pematuhan ketat kepada syarat-syarat di dalam Laporan DEIA yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar oleh pihak pemaju akan dikehendaki supaya dipatuhi.

Jabatan Alam Sekitar juga akan memantau pelaksanaan kerja-kerja ini bagi memastikan segala syarat-syarat yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya dan sebarang ketidakpatuhan oleh pemaju akan diambil tindakan sewajarnya.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

60. Nyatakan status projek pembesaran Empangan Mengkuang. Sila jelaskan:
- (i) Adakah kos pembinaannya berjumlah RM1.2 bilion mencukupi?
  - (ii) Adakah air dari empangan tersebut akan digunakan sebagai bekalan kepada pengguna setiap masa atau berkala seperti musim kemarau?
  - (iii) Nyatakan nama sungai yang menyumbang air ke empangan tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

60. Projek Pembesaran Empangan Mengkuang adalah projek yang dibiayai dan dikendalikan oleh Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (JBA, KeTTHA). Apabila siap kelak, ia akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kemudiannya akan dikendalikan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) selaku operator bekalan air di mana PBAPP merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bekalan air terawat kepada negeri Pulau Pinang. Berdasarkan kepada laporan dari pihak JBA, KeTTHA yang bertarikh 19hb Mac 2017, projek ini terdiri daripada 3 fasa pembinaan iaitu Fasa 1, Fasa 2A dan Fasa 2B.

Fasa 1 merangkumi Pembinaan Satu Empangan Baru Bersebelahan Empangan Lama yang ditinggikan setinggi 11 meter dan kerja-kerja berkaitan dengan anggaran kos RM607 juta. Projek ini bermula pada 1hb Ogos 2011 dan tarikh siap adalah pada 19hb Mac 2017. Bagi projek ini, peratus kemajuan telah mencapai 97.84% dan pada masa kini, empangan telah mula dipenuhi air dan dijangka akan mencapai takat penuh maksima pada ketinggian 55m pada tahun 2019.

Bagi Fasa 2A, projek ini merangkumi kerja-kerja Menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong. Kerja menaik taraf rumah pam sedia ada ini mampu meningkatkan keupayaan pengepaman sedia ada air mentah dari 209 MLD (Juta Liter Sehari) kepada 400MLD. Pengepaman air dibuat dari sumber air iaitu di Sungai Kulim dengan anggaran kos pembinaan berjumlah RM63,518,400.00. Projek ini bermula pada 3hb November 2016 dan tarikh siap adalah pada 22hb Mei 2017. Sehingga kini, projek ini telah mencapai peratus kemajuan 82.95%.

Manakala projek Fasa 2B berada dalam proses perolehan di mana panggilan tender di jangka akan di buat pada September 2017 dengan tempoh kontrak selama 21 bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2019. Projek ini meliputi kerja-kerja penyaluran paip air mentah bergarispusat 1600mm sepanjang 7 kilometer dari Rumah Pam Mak Sulong yang telah dinaik taraf pada Fasa 2A ke Terusan Sungai Dua. Tujuan pelaksanaan projek ini adalah untuk menyalurkan air mentah dengan kapasiti 600MLD.

Sebagai makluman, skop kerja asal dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM1,232,700,000.00 tetapi skop kerja asal telah dipinda oleh JBA, KeTTHA. Oleh yang demikian, jumlah kos pembinaan dijangka menurun.

Empangan Mengkuang merupakan Rezab Strategik Musim Kemarau (*Strategic Drought Reserve*) bagi negeri Pulau Pinang. Empangan Mengkuang beroperasi dengan melepaskan air sehingga 1000 MLD (skop asal) atau 600 MLD (skop baru) ke Terusan Sungai Dua bagi membekal air mentah yang mencukupi apabila tiba musim kemarau panjang atau apabila muka sauk di Lahar Tiang tidak boleh berfungsi akibat paras Sungai Muda terlalu cetek. Air dari



Empangan Mengkuang juga akan dilepaskan ke Terusan Sungai Dua apabila sumber air mentah dari Sungai Muda dihentikan akibat bencana atau pencemaran ekstrim berlaku terhadap sungai tersebut. Selain itu, air dari Empangan Mengkuang juga akan dilepaskan ke Terusan Sungai Dua sekiranya terdapat tindakan pengoperasian penyelenggaraan sistem bekalan air di empangan tersebut.

Sumber air bagi pengisian Empangan Mengkuang mengikut skop kerja baru adalah hanya dari Sungai Kulim. Manakala mengikut skop kerja asal ialah dari dua sumber iaitu Sungai Muda dan Sungai Kulim. Sebagai makluman, pada masa ini paras air di Empangan Mengkuang adalah 31.5m dengan kapasiti efektif hanya 12.9%. Ini adalah di bawah paras kritikal iaitu 30%. Apabila Rumah Pam Mak Sulong yang dinaik taraf mula beroperasi semasa musim hujan pada akhir tahun 2017, ia akan mengepam air dari Sungai Kulim untuk mengisi Empangan Mengkuang. Adalah dijangka ia akan mengambil masa lebih kurang dua tahun untuk mencapai paras takungan maksimum 55 meter. Oleh yang demikian, Skim Pembesaran Empangan Mengkuang dijangka beroperasi sepenuhnya pada Ogos 2019 apabila Fasa 2B siap sepenuhnya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

61. Adakah lesen pusat siber/internet dikawal dan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kenapa pusat ini dibenarkan menjalankan kegiatan perjudian?
- (i) Apakah tindakan bagi membendung masalah ini?
  - (ii) Tidak adakah kajian dibuat sebelum sebarang lesen dikeluarkan demi untuk menghindarkan gejala sosial?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

61. Pusat Siber/Internet adalah dikawal dan dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui peruntukan Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) MBPP 1991 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui peruntukan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980. Namun begitu Pihak Berkuasa Tempatan tidak pernah memberikan kebenaran untuk pusat-pusat tersebut menjalankan kegiatan perjudian dalam premis Internet Cafe yang dilesenkan.
- (i) Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan seperti berikut bagi membendung masalah perjudian dan pusat siber / internet dan antaranya adalah:
    - (a) Menjalankan operasi bersepadu bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga pemantauan berjadual oleh kakitangan PBT;
    - (b) Mengawal pengeluaran lesen dengan memberikan permit di mana pengusaha perlu dikehendaki membuat pembaharuan setiap tiga (3) bulan. Melalui kaedah ini PBT dapat mengawal aktiviti di pusat siber/internet;
    - (c) Melarang penggunaan cermin gelap di pintu masuk pusat siber/internet;
    - (d) Tidak membenarkan kanak-kanak bawah umur berada dalam kawasan premis;
    - (e) Tidak membenarkan pelajar berpakaian seragam sekolah berada dalam kawasan premis;
    - (f) Menghadkan tempoh masa aktiviti pusat siber/internet; dan
    - (g) Menjemput wakil PDRM menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap bagi membincangkan isu dan laporan berkaitan perjudian.
  - (ii) Setakat ini, tidak ada kajian secara khusus dijalankan oleh MBPP dan MPSP semasa pengeluaran sesuatu lesen. Walau bagaimanapun, setiap lesen yang dikeluarkan perlulah mendapat persetujuan daripada jawatankuasa tetap antaranya terdiri daripada agensi penguatkuasa iaitu PDRM, Kastam dan Jabatan Imigresen. Setiap agensi ini akan memberikan ulasan dan maklum balas daripada aspek keselamatan, kesan ke atas sosial dan rekod kesalahan sekiranya pengusaha terlibat dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

62. Kes jenayah kebakaran (*arson*) sering terjadi di Kebun Bunga, walaupun ada pengakuan salah dari pihak pembakar (*arsonist*), terlepas juga dari tindakan dan pendakwaan. Dari tahun 2013 - 2017, berapakah penjenayah tersebut telah didakwa dan ditahan oleh mahkamah? Bagaimanakah PDRM akan memantau dan bertindak atas penjenayah-penjenayah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

62. Hasil daripada siasatan PDRM mendapati tiada laporan polis dibuat yang melibatkan jenayah kebakaran (*arson*) dan mengesahkan tidak terdapat sebarang kes kebakaran yang dilaporkan dalam tempoh tahun 2013 hingga 2017 di Kawasan Kebun Bunga. Walau bagaimanapun, PDRM Pulau Pinang mengambil serius berkaitan perlakuan jenayah sehingga melibatkan kebakaran ini dan akan menjalankan siasatan yang rapi jika kes-kes kebakaran tersebut melibatkan unsur-unsur jenayah dan sebagainya. Siasatan yang menyeluruh dari pihak polis dan bantuan dari pihak Bomba amat penting dalam menangani kes seperti ini. Penjenayah – penjenayah yang terlibat dan dikenal pasti melakukan kes-kes seumpama ini akan mendepani tindakan mahkamah jika terdapat bukti yang kukuh untuk disabitkan ke atas pesalah tersebut.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

63. Kutipan yuran penyelenggaraan adalah rendah dikebanyakan rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah. Adakah skim 'HAPPY' Kerajaan Negeri boleh juga membantu membiayai sesetengah rumah kos rendah yang berdensiti rendah (40 unit) dengan yuran penyelenggaraan bulanan sebanyak RM30.00 sebagai contoh Sri Villa Kenanga di Kampung Batu Uban?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

63. Inisiatif *Housing Assistance Programme of Penang, YES! (HAPPY!)* yang diperkenalkan Kerajaan Negeri bertujuan menampung kos pembaikan dan penyelenggaraan harta milik bersama (*common property*) dari skim Rumah Mampu Milik (RMM) kategori 'A' (kos rendah) atau 'B' (kos sederhana rendah) yang menerima peruntukan daripada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M). Formula perkongsian yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) 90% TP1M dan 10% HAPPY! bagi RMM 'A'; atau
- (ii) 70% TP1M dan 30% HAPPY! bagi RMM 'B'.

Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) yang berminat untuk menyertai skim ini boleh mengemukakan pertanyaan dan permohonan secara terus kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

64. (i) Berikan jumlah statistik pelaburan oleh para pelabur ke Pulau Pinang beserta dengan nilai-pelaburan sehingga kini.
- (ii) Negara atau pihak manakah yang banyak melabur di Negeri Pulau Pinang dan senaraikan siapakah pihak tersebut?
- (iii) Senaraikan jumlah dan nama pelabur hartanah yang melabur di dalam bidang hartanah dalam Pulau Pinang sehingga kini, beserta dengan jumlah kos pelaburannya serta keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

64. (i) Semenjak tahun 2008 sehingga 2016 sebanyak 1,108 pelaburan dengan nilai pelaburan sebanyak RM59.23 billion telah dicatatkan. Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelaburan	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
2016	106	4,293.9
2015	107	6,724.3
2014	169	8,162.4
2013	119	3,912.3
2012	115	2,471.5
2011	109	9,106.0
2010	128	12,238.0
2009	104	2,165.2
2008	151	10,156.3
<b>Jumlah</b>	<b>1,108</b>	<b>59,229.9</b>

(Sumber: MIDA)

- (ii) Negara yang paling banyak melabur mulai dari tahun 2014 hingga 2016, adalah Singapura dan diikuti oleh Amerika Syarikat, China, Ireland, Luxembourg, Netherlands dan Taiwan. Tiga negara tertinggi nilai pelaburan setiap tahun dari 2014 hingga 2016 adalah seperti di bawah:

Tahun	Negara Utama Pelabur	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
<b>2016</b>	Negara China	709.9
	Luxembourg	539.1
	Jerman	403.7
<b>2015</b>	Amerika Syarikat	2,461.7
	Negara China	976.7
	Netherlands	509.5

Tahun	Negara Utama Pelabur	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
<b>2014</b>	Singapura	3,097.0
	Ireland	842.0
	Amerika Syarikat	287.7

Antara syarikat asing yang melabur di Pulau Pinang termasuklah Jinko Solar & JA Solar dari Negara China, B Braun dari Jerman, Mattel, Keysight, Haemonetics, Bose, Boston Scientific dan Broadcom dari Amerika Syarikat, Dell Global Business Centre dan Telmar Network dari Netherlands, HP, Ultimate Matching dan ClassA dari Singapura dan SanDisk Storage.

- (iii) Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod atau maklumat mengenai jumlah dan nama pelabur hartanah yang melabur di dalam bidang hartanah di Pulau Pinang sehingga kini. Begitu juga dengan jumlah kos pelaburannya beserta dengan keuntungan yang diperolehi. Walau bagaimanapun, rekod Kerajaan Negeri mendapati 18 syarikat telah membuat pelaburan hartanah sejumlah RM2,431.137 juta di atas tanah milik Perbadanan

Ketua Menteri (SSI/CMI). Senarai jumlah dan nama pelabur hartanah yang melabur di dalam bidang hartanah di atas tanah SSI/CMI sehingga kini beserta dengan jumlah kos pelaburannya serta pulangan yang diperolehi Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

#### **RUJ. LAMPIRAN A LDMSM (NO. 64)**

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

65. Kerja-kerja pengorekan dan pemotongan tanah di Kawasan Tanah Bukit sedang giatkan dijalankan terutamanya di Bukit Relau dan Bukit Bendera. Apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

65. Kerja-kerja penerokaan tanah di kawasan bukit di dalam Daerah Timur Laut melibatkan pelbagai aktiviti terutamanya untuk tujuan pertanian. Kawasan-kawasan yang menjadi hotspot adalah di Bukit Bendera, Mukim 13, Mukim 14, Mukim 15 dan Mukim 16 Daerah Timur Laut. Selain untuk tujuan pertanian terdapat juga pemilik tanah yang mendirikan struktur untuk kediaman, setor, bangsal dan lain-lain. Aktiviti pertanian di beberapa kawasan berbukit di Daerah Timur Laut telah ada sejak sekian lama dan sebahagian kawasan tersebut telah diteroka lebih daripada 50 tahun. Sebahagian besar daripada kawasan pertanian tersebut adalah terletak di atas tanah milik persendirian dan kategori serta syarat nyata tanah berkenaan tidak menghalang aktiviti tersebut daripada dilaksanakan. Antara aktiviti pertanian yang dijalankan ialah penanaman sayur, bunga-bunga dan buah-buahan.

Pelbagai usaha telah dibuat bagi mengawal aktiviti di kawasan berbukit di Daerah Timur Laut. Tindakan-tindakan yang dibuat adalah seperti berikut:

- (a) Pemantauan dan rondaan secara berkala oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDT DTL) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri di kawasan bukit bagi melihat sendiri aktiviti di kawasan tersebut. Sekiranya terdapat pencerobohan melibatkan tanah kerajaan, maka notis pencerobohan akan dikeluarkan serta merta kepada pihak berkenaan. Ia akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya gagal dipatuhi. Sekiranya terdapat kerja-kerja tanah atau pembinaan struktur di atas tanah milik persendirian maka tindakan pelaporan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan dibuat untuk tindakan selanjutnya.
- (b) Pemantauan oleh pihak MBPP dengan menggunakan teknologi 'drone' di kawasan berbukit manakala bagi kawasan hutan simpan ianya dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri.
- (c) Tindakan pendakwaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Terdapat beberapa pemilik tanah telah didakwa di Mahkamah kerana menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran dan telah dijatuhkan hukuman denda serta perlu menjalankan kerja-kerja mitigasi untuk memulihkan tanah tersebut. Antara permasalahan yang dihadapi di kawasan berbukit ialah penentuan sempadan lot-lot tanah. PDT DTL dengan kerjasama MBPP dan JUPEM telah membuat pengukuran sempadan tanah bagi memudahkan tindakan pendakwaan dibuat.
- (d) Penubuhan Jawatankuasa Kerja Tanah Bukit. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada April 2016 bertujuan untuk melihat aktiviti penerokaan tanah tinggi termasuk tanah bukit samada secara sah atau tidak sah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian dan dianggotai oleh jabatan teknikal berkaitan. Melalui jawatankuasa ini juga, Kerajaan Negeri kini sedang menjalankan satu kajian mengenai aktiviti pertanian di kawasan tanah tinggi.

Dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan PDT DTL mendapati terdapat beberapa kekangan seperti keadaan geografi yang berbukit, bercerun dan terpencil, risiko ancaman keselamatan, tiada akses yang sempurna / jalan yang sempit dan berbahaya, faktor cuaca yang menghadkan pergerakan dan kawasan yang agak luas.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

66. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan lot-lot tanah daripada kawasan tali air yang diwartakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

66. Kawasan padi yang aktif tidak boleh ditambah dan ditimbus tanpa sebarang kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya kawasan pengairan dan penanaman padi serta mana-mana lot yang dicadang dimajukan telah diwartakan di bawah Ordinan Taliair 1953, lot-lot tersebut perlu dikeluarkan daripada kawasan tali air yang diwartakan terlebih dahulu. Permohonan untuk mengeluarkan lot-lot berkenaan dari warta tali air perlu dikemukakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi daerah yang berkenaan dan akan kemudiannya diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri .

Permohonan untuk mengeluarkan dari kawasan tali air yang diwartakan perlulah selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dan Rancangan Tempatan Daerah bagi daerah yang berkenaan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

67. (i) Apakah bilangan setiap jenis kenderaan yang berdaftar di Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga kini?
- (ii) Apakah kadar peningkatan setiap kategori kenderaan berbanding dengan kadar pelupusan?
- (iii) Adakah RFID (*Radio Frequency Identification*) akan digunakan untuk menjejaki kenderaan mulai 2018 seperti diumumkan oleh JPJ pada Ogos 2015 dan bagaimanakah kesediaan Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

67. Semakan Pentadbiran ini dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mendapati jumlah keseluruhan bilangan kenderaan mengikut jenis yang berdaftar di Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga 30 April 2017 berjumlah 654,440 buah. Pecahan mengikut jenis kenderaan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kenderaan	Jumlah
i.	Motosikal	328,247
ii.	Kereta	296,612
lii.	Bas	691
iv.	Teksi	964
v.	Kereta Sewa Pandu Sendiri	408
vi.	Kenderaan Barangan	21,129
Vii.	Lain-lain	6,389

Ringkasan jumlah keseluruhan pendaftaran baru di Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga 30 April 2017 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pendaftaran Kenderaan</b>
2010	112,565
2011	106,513
2012	112,463
2013	112,989
2014	91,513
2015	56,514
2016	47,106
2017	14,777
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>654,440</b>

Manakala bilangan kenderaan yang dilupuskan dari tempoh tahun yang sama adalah sebanyak 115 buah sahaja. Bilangan tertinggi jumlah kenderaan yang dilupuskan adalah motosikal sebanyak 76 buah diikuti kereta sebanyak 36 buah, kereta sewa pandu sendiri sebanyak dua (2) buah dan lain-lain jenis kenderaan sebanyak satu (1) sahaja. Ringkasan jumlah pelupusan kenderaan di Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga 30 April 2017 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pelupusan Kenderaan</b>
2010	26
2011	21
2012	22
2013	23
2014	19
2015	3
2016	1
2017	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>115</b>

Selanjutnya, buat masa ini Kementerian Pengangkutan belum bercadang untuk menggunakan Teknologi RFID (*Radio Frequency Identification*) untuk tujuan menjejaki kenderaan. Penggunaan RFID buat masa ini hanya diimplementasikan di dalam projek VEP (*Vehicle Entry Permit*) dan RC (*Road Charge*) yang dilancarkan pada 1 November 2016, yang dipasang di sempadan iaitu Malaysia – Singapura dan akan diperluaskan di sempadan Malaysia - Thailand untuk tujuan merekod dan mengawalselia kemasukan kenderaan asing ke Malaysia.

**RUJ. LAMPIRAN LYSHUEY (NO. 67)**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

68. Program *Hospital At Home* telah menjadi cara penyelesaian untuk masalah kesesakan dalam hospital di negara asing.
- (i) Sejauh manakah program tersebut dikaji sebagai alternatif untuk masalah katil tidak cukup di hospital?

- (ii) Bolehkah program ini dilaksanakan di Pulau Pinang?
- (iii) Terangkan cabaran dan halangan untuk menjalankan program ini di negeri Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

69. (i) Mengikut statistik Jabatan Kesihatan Negeri hanya 73.02% daripada 2,130 buah katil di enam(6) buah hospital kerajaan di seluruh Pulau Pinang digunakan pada tahun 2016. Jumlah katil dan peratus penggunaan semasa diperhatikan masih mencukupi untuk menempatkan pesakit dan mengelak kesesakan pesakit di hospital. Oleh itu, keperluan kepada program *Hospital at Home* ini tidaklah mendesak di Pulau Pinang.
- (ii) Program *Hospital at Home* telah pun dijalankan di Pulau Pinang melibatkan tiga (3) bidang utama iaitu Perkhidmatan Perawatan Domisiliari, Perkhidmatan Rehabilitasi Komuniti dan Perkhidmatan Psikiatri Komuniti. Ketiga-tiga program ini memfokuskan kepada penjagaan pesakit yang telah discaj agar kesinambungan rawatan dapat dilaksanakan di rumah oleh anggota kesihatan sebelum peranan rawatan di rumah diserahkan untuk perhatian ahli keluarga/penjaga pesakit.
- (iii) Antara cabaran dan halangan untuk menjalankan program ini di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (a) Memastikan kesinambungan rawatan dan penjagaan pesakit di rumah oleh ahli keluarga/penjaga bagi memastikan tiada kemasukan semula pesakit ke hospital bagi kes kesihatan yang sama;
  - (b) Tempoh masa bagi anggota kesihatan/*physician* untuk membuat kunjungan ke rumah dan memberi latihan kepada ahli keluarga/ penjaga; dan
  - (c) Bagi khidmat Hospital at Home oleh pihak swasta, jumlah Pesakit yang mencukupi diperlukan bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

69. Berkenaan dengan insiden kenderaan penguatkuasaan MBPP dirampas oleh orang awam yang berlaku pada 4/5/2017, saya menyeru kerajaan tempatan terus berusaha dengan lebih berinisiatif supaya pasukan Polis Bantuan dan warden trafik dapat ditubuhkan dalam PBT terutamanya MBPP. Usaha ini akan memastikan anggota MBPP dapat bertugas dengan lebih efisien dan selamat. Nyatakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

69. Penubuhan Polis Bantuan kini sedang diuruskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama-sama Kerajaan Negeri untuk kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Namun begitu, bidang kuasa Polis Bantuan adalah terhad dan akan bertanggung jawab bagi mengawal kawasan bangunan dan pejabat milik MBPP sahaja dan anggota Polis Bantuan tidak boleh digunakan untuk tugas penguatkuasaan atau bertugas di luar kawasan bangunan Majlis Bandaraya. Oleh itu, sebarang tugas sitaan, rampasan atau robohan tidak boleh melibatkan Polis Bantuan bersama semasa anggota penguatkuasa menjalankan tugas berkenaan.

MBPP juga telahpun membuat permohonan bagi penubuhan Warden Lalu Lintas pada 8 September 2016 kepada Menteri Pengangkutan Malaysia di bawah Seksyen 3A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], selaras dengan imej sebuah bandaraya. Sehingga kini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sedang dalam proses meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi tujuan tersebut bagi membolehkan Majlis Bandaraya seluruh Malaysia mempunyai Warden Lalu Lintas sendiri.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

70. (i) Berapakah pendapatan Kerajaan Negeri daripada caj air mentah yang dibayar oleh PBAPP dari 2011 - 2016?
- (ii) Apakah langkah yang dilaksanakan PBAPP dalam menggalakkan penjimatan air selain kenaikan tarif dan surcaj Senaraikan.

- (iii) Terdapat laporan CAP dan *Water Watch* mencadangkan supaya PBAPP menaikkan tarif hingga tiga (3) kali ganda untuk menggalakkan penjimatan. Buktikan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

70. (i) Kerajaan Negeri telah mengenakan caj air mentah melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) selaku operator air. Jumlah caj yang dikenakan sejak 2011 adalah berjumlah RM76.96 Juta. Jumlah bayaran yang dikutip Kerajaan Negeri dengan caj minimum sejak 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Caj (RM Juta)	10.41	10.58	10.82	10.90	11.11	23.14

- (ii) Selain dari pelaksanaan WCS (*Water Conservation Surcharge*) yang diwujudkan bagi menurunkan kadar penggunaan air sejak 2010, PBAPP juga telah melakukan beberapa langkah untuk menggalakkan penjimatan air. PBAPP telah mengadakan kempen penjimatan air secara berterusan melalui saluran-saluran sedia ada seperti laman sesawang, media sosial facebook, buletin, risalah dan sebagainya.

Bagi memupuk kesedaran di peringkat awal usia, program penjimatan air juga telah dilaksanakan di peringkat sekolah. Selain dari itu, PBAPP juga telah mengedarkan "Water Saving Devices" secara percuma. Pada awal tahun 2017 ini juga, PBAPP telah melaksanakan *Mobile Apps* bertujuan memberi kemudahan kepada pengguna berkaitan bil, aduan dan juga penyebaran maklumat berkaitan bekalan air di Pulau Pinang. Di antara langkah lain yang telah diambil untuk menggalakkan penjimatan air, PBAPP juga menganjurkan acara-acara berkaitan penjimatan air. Bagi memastikan kesedaran penjimatan air ini terus meluas, PBAPP telah mengambil tindakan melobi bagi menguatkuasakan "Water Saving Devices" secara mandatori oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk projek pembangunan yang akan dilaksanakan.

- (iii) Pada 25hb April 2017, FMT ([www.freemalaysiatoday.com](http://www.freemalaysiatoday.com)) telah menerbitkan satu laporan berita dalam talian menyatakan bahawa Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) memuji Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas usaha untuk mengurangkan jumlah pembaziran air. Mengulas mengenai rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan surcaj pemuliharaan air (WCS) untuk penggunaan domestik bagi memastikan penggunaan air yang lebih bijak, Pegawai CAP, Puan Uma Ramaswamy berkata orang ramai perlu sedar bahawa air adalah sumber yang sukar diperolehi.

Berikutan itu, pada 27hb April 2017, FMT juga menerbitkan laporan dalam talian memetik Prof. Chan Ngai Weng selaku Presiden Water Watch Penang (WWP), sebagai berkata bahawa cadangan surcaj air di Pulau Pinang yang dicadangkan bagi mereka yang membazir air adalah 'terlalu rendah', dan bahawa tarif air perlu dinaikkan bagi mengelak pembaziran. Prof. Chan, yang merupakan seorang pakar sumber air dari Universiti Sains Malaysia juga telah mengesyorkan Pulau Pinang mengenakan bayaran RM0.22 bagi setiap 1,000 liter bagi penggunaan domestik untuk 20,000 liter pertama sebulan, RM0.44 bagi setiap 1,000 liter bagi penggunaan domestik 21,000 - 35,000 liter sebulan dan RM1.30 bagi setiap 1,000 liter bagi penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

71. (i) Adakah kerajaan negeri bercadang menyediakan peruntukan khas untuk tujuan pembangunan infrastruktur asas seperti menurap jalan mini tar dan menaiktaraf sistem perparitan di kawasan luar bandar?
- (ii) Sekiranya ya, berapa jumlahnya?
- (iii) Sekiranya tidak, dari manakah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur asas kawasan luar bandar dan adakah ia memadai?



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

71. Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan rakyat yang berada di kawasan- kawasan luar bandar. Ini dibuktikan dengan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukkan yang khusus setiap tahun di bawah peruntukkan pembangunan bagi menaik taraf infrastruktur asas seperti jalan – jalan kampung, sistem peparitan dan sebagainya. Bagi tahun 2017, sejumlah RM6 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukkan Jabatan Kewangan Negeri yang merangkumi kerja – kerja naik taraf jalan kampung, sistem peparitan dan menaik taraf dewan orang ramai bagi seluruh negeri Pulau Pinang. Selain itu, Jabatan Kewangan Negeri juga turut menyediakan peruntukkan kepada ADUN – ADUN melalui P16/02 (Pembangunan Masyarakat) bagi tujuan projek – projek infrastruktur kecil berjumlah RM9 juta bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang. Di samping itu, bagi tujuan penyelenggaraan jalan – jalan turut disediakan sebanyak RM3.4 juta melalui peruntukkan MARRIS. Manakala di bawah peruntukkan Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri pula sejumlah RM1.5 juta disediakan untuk projek naik taraf di kompleks gerai. Oleh yang demikian secara keseluruhan peruntukkan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan menaik taraf infrastruktur untuk tahun 2017 adalah berjumlah RM19.9 juta.

Meskipun begitu, Kerajaan Negeri masih lagi boleh mempertimbangkan peruntukkan khas sekiranya terdapat keperluan mendesak dan peruntukkan sedia ada tidak mencukupi dengan mengambilkira keutamaan dan kedudukan kewangan semasa negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

72. Setelah berlaku banjir kilat di Pulau Pinang ini, apakah punca utamanya masalah ini dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kejadian ini dan berapakah jumlah ganti rugi yang telah diberikan kepada rakyat yang menerima masalah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

72. Antara punca utama berlakunya banjir kilat yang berlaku di Pulau Pinang termasuklah:-

- (i) Kecurahan hujan (rainfall) yang tinggi yang melebihi 60mm dalam tempoh singkat antara 2 hingga 4 jam;
- (ii) Hujan lebat serentak dengan air laut pasang yang menyebabkan peningkatan aras air sungai-sungai utama;
- (iii) Topografi kawasan yang rendah atau landai yang menyebabkan air tidak dapat dialirkan keluar ke parit monsun dan sungai;
- (iv) Sistem saliran dan peparitan dalaman yang tersumbat oleh sampah sarap; dan
- (v) Parit monsun utama dan sungai-sungai tidak dapat menampung kapasiti air yang banyak ketika hujan lebat.

Bagi menangani ini banjir di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang bersepadu bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah untuk menangani fenomena banjir di Pulau Pinang. Dalam hal ini, terdapat tiga (3) pendekatan utama yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Pendekatan pertama melibatkan operasi pembersihan parit utama yang bermasalah yang dilaksanakan secara mekanikal dengan menggunakan kemudahan jentera pembersihan *Art Gully Emptier secara berkala*. Selain kerja-kerja menaiktaraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di taman perumahan yang menghadapi masalah banjir, Pihak Berkuasa Tempatan juga melaksanakan pembersihan parit besar, perangkap sampah (*trash screen*) dan parit *scupper* secara berkala. Bagi memastikan fenomena banjir tidak berlaku di kawasan bandar bahagian Pulau MBPP telah membuat penyelenggaraan ke atas 28 parit besar sebanyak 4 kali setahun di mana 548 tan kelodak pasir telah dikorek dan dilupuskan hanya untuk pusingan pertama tahun 2017. Pejabat Daerah dan Tanah juga mengambil tindakan di kawasan-kawasan bawah seliaan PDT dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan, membina dan menaik taraf sistem saliran dan peparitan di kawasan-kawasan 'hotspot' yang dikenal pasti.

Selain itu, satu skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana juga telah ditubuhkan untuk menyelaraskan mekanisme dan mengenal pasti punca kejadian banjir dan bertindak serta membantu di dalam merancang langkah-langkah pemulihan dari segi teknikal dan operasi pembersihan.

Pendekatan kedua Kerajaan Negeri adalah melalui Kawalan Pembangunan Baru di mana pemaju projek pembangunan yang baru di dalam kawasan bandaraya George Town akan dikenakan syarat untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Corporation Agency* (JICA). Manakala bagi projek pembangunan baru di luar kawasan Bandaraya George Town pula, JPS akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Saliran Dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu. Bagi kawasan di Seberang Perai pula, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mewajibkan pihak pemaju supaya mematuhi dan mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mereka bentuk sistem perparitan bagi semua cadangan pembangunan. Selain itu, MPSP juga memantau semua projek pembangunan baru yang dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Pendekatan ketiga yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Projek-projek Tebatan Banjir di mana projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, JPS bertindak sebagai agensi utama (*lead agency*) yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas ini. Selama ini, MBPP, JPS dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri bawah bajet 2017 telah memperuntukkan RM150 juta bagi projek-projek tebatan banjir di seluruh negeri Pulau Pinang. Dengan ini diharapkan fenomena banjir di negeri ini dapat ditangani dengan usaha bersama pelbagai pihak.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi bantuan serta-merta yang merupakan barangan keperluan asas atau makan minum kepada mangsa banjir dan sekiranya berlaku kerosakan rumah kediaman, bantuan tidak melebihi RM2,500.00 akan diberi kepada mangsa setelah siasatan dijalankan. Sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pembayaran ganti rugi kepada mangsa banjir.